

قَتِيْن تِيْتِه

PETIKAN TITAH

"KITA menyedari, pada zaman ini, orang-orang yang membaca Al-Quran, berbanding dengan yang membaca bahan-bahan bacaan lain, tentu saja yang membaca Al-Quran adalah lebih sedikit jumlahnya. Kerana Al-Quran itu ditulis dan dibaca dalam bahasa Arab, yang memerlukan ianya dipelajari dengan lebih tekun dan sabar. Kerana itu tidak heran, kalau orang lebih memilih bahan bacaan lain daripada Al-Quran." - Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Bagi Tahun 1438H / 2017M.



Pelita BRUNEI

كَلْبَرِيْتِه

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مَانِيْسْنِ اِيْمَان

MANISNYA IMAN

"DAN janganlah engkau menurut kemahuan setiap orang yang banyak bersumpah lagi suka menghina. Yang suka mencaci lagi suka menyebarkan fitnah." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qalam, ayat 10-11.

Waktu Sembahyang

IMSAK 5.07 SUBUH 5.17 SYURUK 6.36 DUHA 6.59 ZUHUR 12.36 ASAR 3.55 MAGHRIB 6.33 ISYAK 7.44

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 19

13 FEBRUARI 2019 / 1440 جمادى الآخِر 8

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Berkenan mengatam Varieti Padi Hibrid Sembada188

'...Bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan hasil padi usaha kerajaan, rakyat'



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad

MUKIM PENGKALAN BATU, Selasa, 12 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat dan menyempurnakan Majlis Mengatam Varieti Padi Hibrid Sembada188 di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Wasan, Mukim Pengkalan Batu.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdol Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Ke muka 2

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan Majlis Mengatam Varieti Padi Hibrid Sembada188, di Ladang Koperasi Setia Kawan (KOSEKA), Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan dengan menggunakan sebuah jentuai. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali (Lihat muka 2 hingga 8).

Tunduk kepada keagungan kalamullah, Al-Quran sebagai panduan kehidupan

Oleh : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Selasa, 12 Februari. - Al-Quran adalah kitab suci paling agung diturunkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai petunjuk kepada umat manusia, membaca mendengar dan mengamalkannya akan membawa rahmat dan kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita semua.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-A'raf, ayat 204 bermaksud : "Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarkanlah ia (dengan teliti) serta diamlah supaya kamu beroleh rahmat."

Perkara ini dinyatakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana dalam sabda Duli Yang Teramat Mulia pada Majlis Pembukaan Rasmi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Dalam sabda DTYM menjelaskan, rahmat Allah

Subhanahu Wata'ala adalah anugerah yang paling berharga, dan dengannya juga kita akan hidup dengan tenang dan aman serta lantaz mampu berbuat kebajikan serta menyumbang kepada kemaslahatan masyarakat dan negara amnya.

Menyentuh mengenai dengan tema kali ini, iaitu 'Memperkasa Pembelajaran Al-Quran', DTYM bersabda di mana ini adalah bertepatan sekali apatah lagi dalam usaha kita untuk mengukuhkan, menguatkan atau meninggikan tahap kemahiran Al-Quran, khususnya dalam kalangan para pelajar dan masyarakat amnya.

Ke muka 9

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept.bn



Muka 13

HUBUNGAN akrab Brunei - Iran terjalin erat



Muka 23

177 pelajar MSPSBS terima sijil tamat pengajian



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung untuk mendengar sembah taklimat mengenai perkembangan Penanaman Padi Sembada188 yang berkeluasan sekitar 186.7 hektar dan Skim Insentif Pertanian Agrimakanan yang disembahkan oleh Ketua Bahagian Padi dan Perlindungan Tanaman, Dayang Khairunnisa binti Haji Omar Ali pada Majlis Mengatam Varieti Padi Hibrid Sembada188 di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Wasan, Mukim Pengkalan Batu.

Dari muka 1

Berangkat bersama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Menteri; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; para perwakilan asing ke negara ini; Setiausaha-setiausaha Tetap;

Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Ketua Ladang, Awang Haji Sahlan bin Hidup; pegawai-pegawai kanan kerajaan serta peladang-peladang padi di KKP Wasan.

Sejurus keberangkatan tiba di ladang padi, KKP Wasan, Kebawah DYMM dijunjung untuk mendengar sembah taklimat mengenai perkembangan Penanaman Padi Sembada188 yang berkeluasan sekitar 186.7 hektar dan

Skim Insentif Pertanian Agrimakanan yang disembahkan oleh Ketua Bahagian Padi dan Perlindungan Tanaman, Dayang Khairunnisa binti Haji Omar Ali.

Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan merupakan kemudahan yang diwujudkan untuk menggalakkan penduduk tempatan untuk bergiat dalam sektor pertanian.

Ke muka 3



PERSEMBAHAN Tausyeh Syukur yang dipimpin oleh seramai 15 orang siswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengiringi Kebawah DYMM di sepanjang baginda mengatam Varieti Padi Hibrid Sembada188 tersebut.

Dari Sidang Pengarang.

13 FEBRUARI 2019 BERSAMAAN 1440 جمادى الآخرة 8

HORMATI BENDERA, SIMBOL KEBESARAN NEGARA

BENDERA negara adalah simbol kepada kewujudan dan kedaulatan sesebuah negara. Justeru itu, mengibarkannya adalah dituntut kepada semua warga sesebuah negara sebagai menzahirkan rasa cinta dan ketaatan kepada raja dan negara.

Kemeriahan sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 akan mula dirasakan oleh semua lapisan rakyat dan penduduk Brunei Darussalam sebaik sahaja bendera besar NBD mula dikibarkan.

Bendera merupakan simbol kebesaran negara, kibaran bendera kebangsaan membuktikan kasih sayang, komitmen dan sokongan rakyat dan penduduk negara ini untuk memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-35 tahun ini dan sebagai menzahirkan rasa cinta dan hormat kepada kedaulatan kemerdekaan negara.

Bagi sama-sama memeriahkan lagi sambutan berkenaan, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam diseru untuk sama-sama mengibarkan bendera negara, sementara Pengiran-Pengiran dan mereka yang dikurniakan gelaran pula mengibarkan bendera peribadi masing-masing di rumah-rumah kediaman dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan serta pemasangan dan penyalaan lampu-lampu cucuk di bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta mulai Sabtu, 11 Jamadilakhir 1440 bersamaan 16 Februari 2019 sebagai tanda taat setia rakyat kepada raja yang dikasihi sekali gus menjadi pemangkin semangat nasionalisme dan patriotik.

Setiap bendera yang dikibarkan hendaklah mengikut peraturan dan tatacara yang telah ditetapkan dengan memastikan bendera tersebut dalam keadaan baik, tidak pudar warnanya dan tidak koyak.

Ke arah itu, semua pelbagai lapisan rakyat dan penduduk terutama pemimpin akar umbi akan dapat sama-sama memastikan pelaksanaan tanggungjawab setiap rakyat dan penduduk bagi pengibaran dan penurunan bendera Negara Brunei Darussalam pada tarikh yang telah ditetapkan.

Sayugia juga mengingatkan rakyat dan penduduk di negara ini tarikh untuk menurunkan Bendera Negara Brunei Darussalam dan bendera peribadi di rumah-rumah persendirian, bangunan pejabat dan perniagaan adalah pada 25 Februari 2019.

Semangat nasionalisme dan patriotik ini hendaklah terus kita semai dan praktikkan oleh semua lapisan rakyat dan penduduk NBD bukan hanya yang bermastautin di negara ini malahan juga bagi mereka bertugas atau menuntut di luar negara. Walaupun jauh berada di perantauan tetapi kesetiaan dan rasa cinta kepada NBD tetap terpahat subur di sanubari.

Justeru itu marilah kita sentiasa meningkatkan taat setia kepada raja yang amat kita kasihi dan kecintaan kita kepada tanah air kita Brunei Darussalam dengan memanjatkan doa ke hadrat Allah semoga negara kita akan sentiasa di dalam perlindungan Allah, aman damai serta dilimpahi dengan kemakmuran. Aamiin...
- Ketua Penyuntingan (Nh).

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C	BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C	BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C
PEKAN BANGAR 32 25 °C	PEKAN BANGAR 32 25 °C	PEKAN BANGAR 32 25 °C
PEKAN TUTONG 32 25 °C	PEKAN TUTONG 32 25 °C	PEKAN TUTONG 32 25 °C
KUALA BELAIT 32 25 °C	KUALA BELAIT 32 25 °C	KUALA BELAIT 32 25 °C

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
13	RABU	8	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44
14	KHAMIS	9	5.07	5.17	6.36	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
15	JUMAAT	10	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
16	SABTU	11	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
17	AHAD	12	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.54	6.33	7.44
18	ISNIN	13	5.06	5.16	6.35	6.58	12.35	3.54	6.34	7.44
19	SELASA	14	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

Wallahuallam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam
www.mef.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX App

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perasmian pada Majlis Mengatam Varieti Padi Hibrid Sembada188 di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Wasan, Mukim Pengkalan Batu (kiri), sementara gambar kanan, baginda dan paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan pada majlis berkenaan.

Dari muka 2

Antara objektif skim berkenaan ialah sebagai Bantuan bagi mengurangkan kos pengeluaran pengusaha; Galakan kepada pengusaha tempatan untuk bergiat aktif dalam industri padi; Menyalurkan kemudahan asas dan keperluan-keperluan tanaman bagi mendukung

penghasilan padi yang optima juga kompetitif; Mempercepatkan proses pemindahan teknologi pengeluaran ke arah meningkatkan produktiviti; Menyalurkan informasi berhubung jenis, kuantiti dan kombinasi input yang bersesuaian bagi tanaman padi; dan Membantu menstabilkan

harga komoditi padi di negara ini. Terdapat dua kategori Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan yang ditawarkan, iaitu 1) Skim Keperluan Asas termasuk penyediaan jalan masuk utama, pembinaan sistem pengairan dan saluran juga pembekalan elektrik di kawasan-kawasan tertentu; dan

2) Insentif keperluan khusus bagi Industri Padi.

Seterusnya baginda berkenan mendengarkan sembah taklimat mengenai Projek Empangan Imang, Projek Penerokaan Air Bawah Tanah dan Projek Pembukaan Kawasan Kandol bagi penanaman padi secara komersial berkeluasan 500 hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait yang disembahkan oleh Ketua Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertanian, Awang Saidin bin Namit.

Skim Pengairan Imang merupakan Skim Pengairan yang bersumber dari Empangan Imang, melibatkan kawasan-kawasan KKP Wasan, Panchor

Murai, Batong, Limau Manis, Bebuloh, Batang Perhentian, Junjungan, Batumpu dan Limpaki.

Pada masa ini, beberapa projek sedang dan akan dilaksanakan di bawah Rancangan Kemajuan Pertanian Ke-11, iaitu 1) Projek mendalami dan menaik taraf Empangan Imang bagi mengatasi masalah pengairan kawasan-kawasan tersebut; 2) Projek Pemasangan Paip ke Kawasan Penanaman Padi Limpaki; dan 3) Menaik taraf infrastruktur yang sedia ada di KKP Limau Manis, Bebuloh dan Empangan Imang.

Projek mendalami dan menaik taraf Empangan Imang melibatkan kerja-kerja mendalami Empangan Imang dan membersihkan dan membuang rumput rumpai yang menutupi kawasan-kawasan takungan Empangan Imang.

Projek yang dianggarkan lebih kurang BND3.9 juta dan dijangka mengambil masa selama 15 bulan itu akan menambah kapasiti Empangan Imang sebanyak 10 peratus atau kira-kira satu juta meter padu (m³) air untuk dibekalkan ke kawasan-kawasan pertanian.

Ke muka 4



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM berkenan mengatam Varieti Padi Hibrid Sembada188, di Ladang Koperasi Setia Kawan (KOSEKA), KKP Wasan menggunakan sebuah jentuai.



HADIR pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman (kiri), sementara gambar kanan, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengar sembah penerangan ringkas mengenai Varieti Padi Hibrid Sembada188 tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-ahli KOSEKA dan pihak Pengurusan Yaz & Wyn Enterprise sebelum berangkat ke Pusat Pemrosesan Padi (Ricemill), Wasan.

Dari muka 3

Sementara mengenai Projek pemasangan paip ke kawasan Limpaki pula melibatkan pemasangan paip sepanjang 10km dari Empangan Imang ke Kawasan Penanaman Padi Limpaki, yang mana projek itu juga dibiayai di bawah Rancangan Kemajuan Pertanian Ke-11, yang mana projek dianggarkan lebih kurang BND1.8 juta dan dijangka siap dalam tempoh lapan bulan.

Manakala sembah taklimat mengenai projek penanaman padi secara komersial di KKP Panchor Murai seluas 110 hektar disebarkan oleh Pengurus Yaz & Wyn Enterprise, Awang Ezwyn bin Haji Bakar.

Perusahaan Yaz & Wyn adalah sebuah perusahaan bumiputera yang pada masa ini mengusahakan KKP Panchor Murai seluas 110 hektar dan diperuntukkan Kawasan Pertanian Panchor Murai melalui Request For Proposal yang dikeluarkan pada tahun 2017.

Perusahaan Yaz & Wyn menandatangani perjanjian penyewaan tapak bersama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bagi Pengeluaran Padi Secara Komersial pada 25 September 2018 lalu dan perusahaan berkenaan dijangka akan memulakan penanaman padi secara berperingkat-peringkat bermula Mac 2019.

Pada majlis tersebut, Kebawah DYMM juga berkenan menerima pesambah yang disebarkan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Bagi memberkati majlis, acara didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan mengurniakan Titah Perasmian, yang mana antara titah baginda, sesungguhnya

hari ini adalah hari yang wajib untuk disyukuri kerana Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan kepada kita hasil padi yang diusahakan oleh kerajaan dan rakyat.

"Semoga ini adalah merupakan langkah awal yang akan diikuti lagi oleh langkah-langkah lebih agresif ke arah meningkatkan sara diri bekalan beras negara," titah baginda.

Sejurus itu, Kebawah DYMM dijunjung berangkat untuk bercemar duli bagi menyempurnakan Perasmian Majlis Mengatam Varieti Padi Hibrid Sembada188, di Ladang Koperasi Setia Kawan (KOSEKA), KKP Wasan menggunakan sebuah jentuai.

Berangkat menyertai baginda mengatam padi, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM.

Persembahan Tausyeh Syukur yang dipimpin oleh seramai 15 orang siswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengiringi Kebawah DYMM di sepanjang baginda mengatam Varieti Padi Hibrid Sembada188 tersebut.

Sejurus selesai, Kebawah DYMM berkenan bergambar ramai dan beramah mesra bersama Ahli-ahli KOSEKA dan pihak Pengurusan Yaz & Wyn Enterprise sebelum berangkat ke Pusat Pemrosesan Padi (Ricemill), Wasan.

Penanaman padi Sembada188 bermula pada Oktober 2018 dan mempunyai tempoh matang sekitar 110 hari.

Penanaman rintis padi Sembada188 yang melibatkan sebanyak 21 pengusaha di kawasan seluas 38.2 hektar, iaitu di bawah KOSEKA dan peladang padi di bawah Projek Majlis Perundingan Mukim Pengkalan Batu di KKP Wasan.

Sepanjang pertumbuhan varieti padi Sembada188 pada musim lepas, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan menubuhkan Task Force bagi pemantauan

penanaman padi Sembada188 dan membantu pengusaha yang baru menanam varieti berkenaan untuk mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi, khususnya dari segi penjagaan tanaman.

Task Force itu melibatkan pegawai dan kakitangan dari Unit Industri Padi; Unit Pengembangan Pertanian Daerah Brunei dan Muara (DBM); Unit Perlindungan Tanaman; Unit Sains Tanah dan Nutrien Tanaman; dan Unit Lepas Tuai.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga turut menawarkan khidmat nasihat dan perkhidmatan penganalisan percuma bagi membantu para peladang mengenal pasti masalah-masalah berhubung dengan pertumbuhan tanaman, serangan penyakit dan musuh tanaman juga masalah berhubung dengan faktor tanah.

Di samping itu, pihak jabatan secara berterusan berusaha untuk menerapkan teknologi-teknologi terbaharu termasuk sistem perladangan yang lebih teratur, selamat dan mesra alam ke arah penghasilan yang tinggi dan optima.

Bagi menangani masalah pengairan di kawasan-kawasan yang belum mempunyai sistem pengairan yang lengkap, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga meneroka kemungkinan penggunaan air bawah tanah.

Setakat ini, terdapat lima kawasan telah selesai Fasa 1 (Kajian Penerokaan) projek, iaitu KKP Bebuloh, Junjungan dan Limau Manis di DBM; Lot Sengkuang di Daerah Belait dan Lekiu Perdayan di Daerah Temburong.

Keputusan daripada Fasa 1 menunjukkan bahawa hanya KKP Bebuloh, Lot Sengkuang dan Lekiu Perdayan sahaja mempunyai air yang mencukupi dan bersesuaian bagi aktiviti pertanian.

Sementara Fasa 2 dan 3 projek penerokaan air bawah tanah tersebut akan dijalankan bermula Mac 2019 di KKP Bebuloh dan Lot Sengkuang, yang mana akan dibiayai menggunakan Peruntukan Fokus sebanyak

BND900,000.00.

Fasa 2 dan 3 bagi KKP Lekiu Perdayan pula akan dilaksanakan dalam tahun kewangan 2019 / 2020.

Di samping itu, terdapat tiga lagi kawasan yang akan diterokai dan dikaji kesesuaiannya bagi

menggunakan air bawah tanah, iaitu di Kawasan Lubok Gusi dan Souk Ajong di Daerah Tutong dan Senukoh di Daerah Belait.

Kerja-kerja Fasa 1 akan bermula pada minggu ketiga bulan Februari 2019.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima pesambah yang disebarkan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong pada majlis berkenaan (kanan, atas). Sementara gambar kanan, hasil Varieti Padi Hibrid Sembada188, di Ladang Koperasi Setia Kawan (KOSEKA), KKP Wasan.

Lawat Ladang Ideal Multifeed Farm (B) Sdn. Bhd.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima sembah penerangan daripada Pengurus Ladang Ideal Multifeed Farm (B) Sdn. Bhd., Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abd. Rahman.

MUKIM SENGKURONG, Selasa, 12 Februari. - Ladang Ideal Multifeed Farm (B) Sdn. Bhd. merupakan satu perusahaan ladang dan pembekal produk ternakan halal tempatan yang mengusahakan perusahaan Ternakan Ayam Pedaging, Ternakan Ayam Penelor dan Pusat Penyembelihan pada kawasan seluas 89 hektar.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat dan meninjau ke Ladang Ideal Multifeed Farm (B) Sdn. Bhd. (Site 1 - Pusat Penyembelihan dan Site 2 - Ladang Ayam Penelor), bertempat di Kampung Bengkurong - Masin.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut menjunjung sama, Pengurus Ladang Ideal

Multifeed Farm (B) Sdn. Bhd, Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abd. Rahman berserta para ahli pengurusan ladang Ideal Multifeed Farm (B) Sdn. Bhd.

Berangkat bersama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Terdahulu, Kebawah DYMM dijunjung untuk melawat dan mendengarkan sembah taklimat mengenai salah sebuah Pusat Penyembelihan Ayam, seterusnya memasuki ruang Viewing Room pusat berkenaan.

Baginda seterusnya dijunjung melawat ke Kedai Runcit Ideal Meat Shop yang memulakan operasi sekitar jam 7.30 pagi hingga 6.30 petang dan mempunyai sekitar lima orang pekerja tempatan di kedai berkenaan.

Baginda kemudiannya dijunjung ke Kem Jamuan bagi menyaksikan beberapa pameran mengenai pencapaian syarikat berkenaan sejak ia mula ditubuhkan sekitar tahun 1992 sehingga kini, seterusnya berkenan menandatangani

lembaran kenangan.

Baginda juga berkenan menerima pesambah daripada Pengurus Ladang Ideal Multifeed Farm (B) Sdn. Bhd.

Ladang Ideal Multifeed Farm (B) Sdn. Bhd. merupakan kilang pemprosesan ayam komersil pertama yang menggunakan sistem reban tertutup, perusahaan ternakan ayam pedaging menggunakan sistem reban konvensional, ternakan ayam penelor menggunakan reban tertutup dan mempunyai Pusat Penyembelihan Ayam.

Syarikat ini juga merupakan loji pengedaran telur pertama yang ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam pada 2 Oktober 2000, yang mempunyai kapasiti gredan 30,000 telur sejam menggunakan *food grade inkjet logo printing*.

Antara syarikat subsidiari di bawah Ideal Multifeed Farm (B) Sdn. Bhd. termasuk Ideal Hatchery (B) Sdn. Bhd.; Ideal Marketing (B) Sdn. Bhd. - Ideal Meat Shop; Ideal Food Industries Sdn. Bhd. - Ideal Café & Grill; Ideal Feeds Mills Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Rato Kilang Makanan Haiwan Sdn. Bhd.); dan Ideal Pharma & Construction Sdn. Bhd. - (dahulunya dikenali sebagai Raya Bersama Sendirian Berhad).

Kebawah DYMM juga berkenan melawat ke beberapa tempat yang lain, antaranya ke Ladang Syarikat Perusahaan Haji Mohd. Salleh bin Haji Ludin dan Anak-Anak, bertempat di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Batumpu, yang mana syarikat berkenaan mengusahakan ladang sayur-sayuran seluas tujuh hektar, menggunakan sistem konvensional bagi tanaman sayur-sayuran jenis daun dan buah.

Seterusnya, Kebawah DYMM berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Mengatam Varieti Padi Hibrid Sembada 188 di KKP Wasan, Mukim Pengkalan Batu dan kemudian meneruskan lawatan baginda ke Pusat Pemprosesan Padi (Ricemill), Wasan.

Dalam pada itu, Kebawah

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad

DYMM juga dijunjung untuk berangkat ke Institut Pendidikan Teknik Brunei (IBTE), seterusnya berkenan mengadakan beberapa lawatan di Kampus Agro-Teknologi, Wasan dan meninjau tapak-tapak pembelajaran para penuntut

IBTE di kampus berkenaan.

Sebelum mengakhiri lawatan, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja yang lain berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari di Dewan Serbaguna IBTE, Kampus Agro-Teknologi, Wasan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat ke Ladang Ideal Multifeed Farm (B) Sdn. Bhd. dan berkenan diberikan sembah penerangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan dijunjung melawat ke Kedai Runcit Ideal Meat Shop.



KEBAWAH DYMM ketika berkenan meninjau lebih dekat dan menerima sembah penerangan mengenai ternakan ayam penelor menggunakan reban tertutup Ladang Ideal Multifeed Farm (B) Sdn. Bhd. (kiri). Sementara gambar kanan, paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berkenan berangkat melawat Kedai Runcit Ideal Meat Shop.



Bercemar duli ke Ladang Syarikat Perusahaan Haji Mohd. Salleh bin Haji Ludin dan Anak-Anak



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan hasil Ladang Syarikat Perusahaan Haji Mohd. Salleh bin Haji Ludin dan Anak-Anak.

MASIN, Selasa, 12 Februari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah dan akan terus menyediakan peluang-peluang dalam bidang pertanian dengan seluas-luasnya.

Sektor ini perlu diberi keutamaan kerana ia akan menentukan kelangsungan kita sebagai bangsa dan negara yang merdeka serta berkemampuan

bertahan bagi survivabiliti bangsa dan negara yang selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk meningkatkan usaha ke arah membangun ekonomi melalui bidang yang dianggap utama, seperti bidang pertanian dan perikanan sebagai makanan asasi kita.

Untuk itu, para pengusaha dalam bidang pertanian dan perikanan diseru untuk terus

melipatgandakan usaha mereka di dalam mempercepatkan pertumbuhan keluaran masing-masing, terutama sekali dengan mengadaptasikan teknologi yang bersesuaian dan mengamalkan pengurusan ladang yang baik bagi menjamin kualiti hasil ladang.

Usaha tersebut adalah mustahak bagi mencapai matlamat untuk menjana perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara melalui sektor pertanian.

Semasa berangkat ke Majlis Mengatam Varieti Padi Hibrid Sembada 188 Di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Wasan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan melawat ke KKP di Daerah Brunei dan Muara.

Salah satu KKP yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia lawati ialah Ladang Syarikat Perusahaan Haji Mohd. Salleh bin Haji Ludin dan Anak-Anak, bertempat di KKP Batumpu. Keberangkatan tiba Kebawah

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

DYMM telah dijunjung oleh Pengurus Ladang, Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Ludin, selaku pengusaha dan pemilik syarikat berkenaan serta keluarga beliau.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa lawatan tersebut, baginda serta kerabat diraja disembahkan dengan taklimat mengenai syarikat berkenaan dan menyaksikan pameran produk hasil ladang.

Baginda kemudiannya dijunjung menyaksikan aktiviti membajak tanah, menanam sayur, mengutip hasil dan lain-lain proses pertanian di ladang berkenaan.

Syarikat Perusahaan Haji Mohd. Salleh bin Haji Ludin dan Anak-Anak mengusahakan ladang sayur-sayuran seluas tujuh hektar, menggunakan sistem konvensional bagi tanaman sayur-sayuran jenis daun dan buah seperti bayam, kangkung, sawi manis, bindir, terung, timun dan sebagainya.

Pada tahun 2018, hasil

keluaran ladang perusahaan tersebut ialah sebanyak 463.72 metrik tan dengan anggaran nilai BND1.19 juta.

Awang Haji Mohd. Salleh mula bergiat aktif dalam bidang pertanian sejak tahun 2004 yang mana turut dibantu oleh anak beliau sendiri, iaitu Awang Muhd. Huzaimi selaku Penolong Pengurus dan mempunyai kira-kira 14 orang pekerja.

Ketika ditanya mengenai perancangan akan datang, Awang Haji Mohd. Salleh menjelaskan, jika diberikan lagi tanah-tanah dan kemudahan daripada pihak kerajaan, beliau menyimpan hasrat untuk mengembangkan lagi perusahaannya ke peringkat yang lebih besar.

Menurutnya hasil dari tanaman-tanaman tersebut dipasarkan di Pasar Borong Koperasi SETENAGA Kampung Selayun, pasar raya Sim Kim Huat, Sengkurong dan orang-orang persendirian serta restoran-restoran.

Mengenai kemajuan ladang tersebut pula, Muhd. Huzaimi menyatakan bahawa memang terdapat peningkatan dari segi hasil tanaman dan pengeluaran ladang sejak ia mula diusahakan lebih 10 tahun yang lalu.

"Jika diberikan sokongan dan bantuan lagi dari pihak kerajaan, kami ingin mengembangkan lagi perusahaan demi meningkatkan hasil produk kami," ujarnya.



KEBAWAH DYMM dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa berkenan melawat dan meninjau lebih dekat ladang tersebut.



KEBAWAH DYMM dan paduka-paduka anakanda baginda, DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik semasa berkenan melawat dan mendengar sembah penerangan mengenai Ladang Syarikat Perusahaan Haji Mohd. Salleh bin Haji Ludin dan Anak-Anak.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah daripada ahli keluarga pengusaha ladang berkenaan.



PARA pekerja Ladang Syarikat Perusahaan Haji Mohd. Salleh bin Haji Ludin dan Anak-Anak sedang menuai hasil sayur-sayuran ladang tersebut.

Kebawah DYMM berkenan tinjau Pusat Pemprosesan Padi Wasan

MUKIM PENGKALAN BATU, Selasa, 12 Februari. - Pusat Pemprosesan Padi Wasan, yang terletak di Kampung Batu Ampar turut menjadi tumpuan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat menyempurnakan Majlis Mengatam Varieti Padi Hibrid Sembada188 di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Wasan, Mukim Pengkalan Batu, di sini.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja di pusat berkenaan dijunjung oleh Pengurus Syarikat Pertanian Tropikal Utama (PTU), Awang Yong Khian Fook.

Semasa lawatan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia disambatkan penerangan oleh Awang Yong Khian Fook dan Ketua Unit Industri Padi, Sheikh Md. Radzi bin Dato Paduka Sheikh Adnan dan dijunjung menyaksikan proses penuangan padi ke dalam mesin pengisar, Bilik Kawalan dan kemudiannya



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa meninjau penyimpanan beras-beras yang sempurna dipek ketika berkenan melawat Pusat Pemprosesan Padi Wasan yang terletak di Kampung Batu Ampar.

melawat Seksyen Pembungkusan yang mana baginda berkenan mencuba sendiri melakukan proses pembungkusan beras ke dalam guni.

Mesin pengisaran padi berjenama Satake dari Satake Corporation, Jepun itu mampu menghasilkan sekitar 3.5 metrik tan padi sejam dan dijangka akan

dapat menampung tahap pengeluaran 5,800 metrik tan setahun (20 peratus tahap sara diri).

Mesin pengisar padi ini dapat mengisar padi-padi keluaran tempatan dengan lebih cepat dan efisien serta membantu mengawal kualiti lepas tuai beras tempatan.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

Pada masa ini, khidmat operasi mesin pengisar dijalankan oleh Syarikat Pertanian Tropikal Utama, manakala operasi

penerimaan padi, penuangan padi ke mesin pengisar, pembungkusan beras, penjualan beras dan pemeliharaan mesin pengisar dijalankan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Oleh kerana pengeluaran padi tempatan masih rendah, mesin pengisar ini masih belum digunakan secara optimum. Oleh itu, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan berhasrat untuk menswastakan pusat pemprosesan padi dan beras tersebut.

Objektif penswastakan ini adalah untuk memastikan kilang padi beroperasi dengan lebih efisien dan secara langsung meningkatkan kapasiti pengisaran dan meningkatkan kualiti beras yang dikisar; menawarkan peluang perniagaan kepada sektor swasta khususnya syarikat tempatan yang berminat untuk mengendalikan sepenuhnya Pusat Pemprosesan Padi Wasan; dan mengurangkan beban kepada kerajaan dari segi perbelanjaan tahunan bagi kos operasi kilang padi dan pembelian padi.

Pada masa ini, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sedang bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi penswastakan Kompleks Pemprosesan Padi dan Beras Wasan kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Company).

PTU merupakan salah sebuah syarikat utama dalam membekal jentera-jentera pertanian serta baja dan kimia mesra alam (*eco-friendly agro-chemical and fertilizer*) di negara ini.

Dengan pengalamannya dan kepakarannya dalam bidang pertanian, PTU memainkan peranan bekerjasama dengan agensi kerajaan dalam pelbagai program pembangunan negara antaranya projek kerjasama inisiatif pembangunan padi di negara ini.



Di bahagian pembungkusan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mencuba peralatan pembungkusan beras tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan meninjau mesin memeriksa kualiti beras yang dihasilkan.



KEBAWAH DYMM ketika berangkat ke Pusat Pemprosesan Padi Wasan dan diberi sembah penerangan daripada Pengurus Syarikat Pertanian Tropikal Utama (PTU), Awang Yong Khian Fook (kiri dan kanan).



Kampus Agro-Teknologi, Wasan tonjolkan kemahiran pelajar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan melawat Crop Production Unit sambil diberi sembah penerangan daripada salah seorang pelajar Institut Pendidikan Teknik Brunei (IBTE).

WASAN, Selasa, 12 Februari. - Sekolah Agro-Teknologi dan Sains Gunaan, Institut Pendidikan Teknik Brunei (IBTE), Kampus Agro-Teknologi, Kampung Wasan merupakan sebuah institusi pendidikan vokasional yang menawarkan pelbagai program Sijil Teknikal Tertinggi Kebangsaan (HNTEC) dan Sijil Teknikal Kebangsaan (NTec) dalam mata pelajaran Agroteknologi; Teknologi Akuakultur; Sains Makanan dan Teknologi; dan Sains Gunaan.

Ditubuhkan sejak 2006 dan dahulunya dikenali sebagai Sekolah Vokasional Wasan, sekolah ini diserapkan semula ke IBTE di bawah IBTE Transformation dengan penjenamaan semula kepada nama sekarang pada bulan April 2016.

Bagi melihat dan meninjau lebih dekat tapak-tapak pembelajaran penuntut-penuntut di kampus berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat Kampus Agro-Teknologi, Wasan setelah menyempurnakan Majlis Mengatam Varieti Padi Hibrid

Sembada188 di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Wasan, Mukim Pengkalan Batu.

Berangkat sama semasa lawatan tersebut ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan Kebawah DYMM dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

Baginda mula-mula berkenan berangkat meninjau Food Technology Unit yang menempatkan proses pembuatan produk-produk makanan dan minuman yang dihasilkan oleh para pelajar berkenaan antaranya minuman Susu Kacang, minuman Roselle, Keropok Lekor dan Keropok Udang.

Baginda juga berkenan menyaksikan pembuatan biskut Roselle yang merupakan produk terbaru para pelajar di bawah

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad

Program NTEC in Food Processing dan HNTEC in Agro Technology (Food Technology).

Dari Food Technology Unit, baginda kemudiannya berkenan melawat Crop Production Unit yang mana baginda melihat lebih dekat pembuatan herba serta meninjau penanaman sayur timun dan tembikai menggunakan sistem fertigasi di Rumah Hijau Kampus berkenaan.

Selain timun dan tembikai, Rumah Hijau tersebut juga menempatkan beberapa penanaman lain seperti cili, tomato ceri serta tempat semaian tanaman.

Turut menjadi perhatian lawatan baginda ialah Pameran Projek Agrobiz, yang merupakan kerjasama antara IBTE dan LiveWire Brunei melalui Memorandum Persefahaman yang telah dimeterai pada 23 Januari 2019 dengan objektif untuk menghidupkan semula program peladang muda dengan menerapkan pendekatan yang baharu khususnya dalam melahirkan agropreneurs yang terlatih dalam bidang agroteknologi.

Projek ini dijangka akan dapat menyumbang ke arah strategi kebangsaan di dalam keselamatan makanan untuk mencapai 30 peratus sara diri dalam penghasilan padi menjelang tahun 2025.

Baginda meneruskan lawatan ke Klinik Veterinar yang menyediakan pembelajaran

mengenai pemeriksaan haiwan peliharaan seperti kucing, melakukan pembedahan, selain mempelajari aspek-aspek kejururawatan.

Klinik tersebut juga membukakan perkhimatannya bagi orang ramai pada setiap Selasa, Khamis dan Sabtu pada waktu pejabat.

Baginda kemudian berkenan meninjau pelbagai jenis sistem hidroponik yang diusahakan oleh Syarikat AgroMetro, iaitu syarikat yang diusahakan oleh empat orang pengusaha muda lepasan penuntut IBTE.

Syarikat ini yang ditubuhkan pada tahun 2017 sehingga kini telah menjual lebih 100 unit sistem hidroponik selain turut menjual produk pertanian lainnya seperti sekam, kulit padi dan cocopeat.

Kebawah DYMM juga berkenan beramah mesra dan berinteraksi bersama bekas pelajar (alumni) IBTE kampus berkenaan yang telah berjaya membuka perusahaan mereka sendiri. Baginda juga turut mendengarkan perancangan-perancangan pelajar selaku generasi pelapis setelah mereka tamat pengajian dari kampus tersebut nanti.

Sebelum mengakhiri lawatan, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja yang lain berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari di Dewan Serbaguna IBTE, Kampus Agro-Teknologi, Wasan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan berangkat ke Klinik Veterinar yang menyediakan pembelajaran mengenai pemeriksaan haiwan peliharaan seperti kucing (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah DYMM bersama paduka anakanda baginda ketika diberikan sembah penerangan ketika melawat Food Technology Unit.



KEBAWAH DYMM bersama paduka-paduka anakanda baginda ketika berkenan meninjau pelbagai jenis sistem hidroponik (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah DYMM bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari di Dewan Serbaguna IBTE, Kampus Agro-Teknologi, Wasan.



Tunduk kepada keagungan kalamullah, Al-Quran sebagai panduan kehidupan

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Dari muka 1

"Dalam majlis yang lepas, saya telah menyentuh mengenai 'Generasi Al-Quran' yang mampu memelihara kesejahteraan dan keharmonian negara, generasi bakal pemimpin kaum keluarga, rakan, jiran dan masyarakat.

"Malah Paduka Ayahanda dalam majlis yang sama tahun lepas turut mengurniakan titah agar generasi sekarang ini perlu terus menerus berusaha membaca dan memahami Al-Quran," sabda DYT M.

Sabda DYT M lagi, di sinilah pentingnya usaha ke arah membina generasi Al-Quran ini untuk terus sahaja diperbanyakkan, dipelbagaikan dan dipergiatkan.

Pada majlis tersebut, DYT M turut menekankan di mana semua pihak sama ada institusi pendidikan, kementerian, mahupun orang awam haruslah sama-sama berganding bahu bukan sahaja dalam penguatan kemahiran bacaan, malah memberikan tumpuan kepada tafsiran dan pengajaran ayat-ayat khasnya yang berkaitan dengan pembangunan sahsiah dan akhlak belia serta peranan mereka dalam bermasyarakat dan bernegara.

Di samping itu, sabda DYT M, pengajian-pengajian Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam untuk generasi ini juga tidak kurang pentingnya untuk memahami lebih jelas lagi apa yang dimaksudkan di dalam Al-Quran dan apa yang kita mahukan ialah lahirnya generasi Al-Quran dan Hadis yang boleh berfikir, bertindak dan beramal merujuk dan berasaskan Al-Quran dan Hadis.

"Pada hemat saya, generasi Al-Quran yang diharapkan seumpamanya dapat dibina melalui persekitaran yang menerapkan penghayatan dan nilai-nilai keislaman, baik di peringkat sekolah mahupun dalam institusi kekeluargaan sendiri," sabda DYT M.

Dalam hubungan ini, DYT M bersabda, ada tiga pendekatan yang berupaya mendukung usaha berkebaikan tersebut.

"Pertama, melalui pemeliharaan sumber makanan dan minuman. Penyediaan pemakanan yang Halalan Thaiyyiban dan jauh dari syubhah.

"Di sinilah peranan para ibu bapa dan penjaga di dalam memastikan makanan yang diberikan kepada anak-anak dan ahli keluarga adalah dari sumber yang halal, berkhasiat dan terhindar dari syubhah," sabda DYT M.

Sebaiknya sabda DYT M, setiap keluarga dituntut mengamalkan makan secara

jemaah atau bersama, di samping menerapkan adab pengambilan makanan mengikut Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Seterusnya DYT M bersabda di mana kedua, para ibu bapa dan penjaga hendaklah sentiasa mengamalkan amalan menunaikan sembahyang lima waktu secara berjemaah, sama ada mengajak ahli keluarga menunaikan sembahyang di masjid atau menunaikannya secara berjemaah di rumah.

Amalan ini sabda DYT M bukan saja dituntut oleh Islam, malah ia juga dapat mengukuhkan hubungan kekeluargaan, memberikan pendidikan disiplin masa, menerapkan nilai-nilai akhlak mulia apatah lagi ganjaran pahala yang banyak serta barakah doa yang diaminkan bersama keluarga.

"Dan akhir sekali, ibu bapa juga perlu menekankan serta mengamalkan pembelajaran, pengajian dan pembacaan Al-Quran. Memperuntukkan masa bersama anak-anak serta ahli keluarga dengan mengadakan tilawah dan halaqah memperbaiki bacaan sesama ahli.

DYT M bersabda di mana halaqah ini akan menjadi lebih bererti dan bermanfaat jika ia dikembangkan dan disertakan lagi dengan bacaan makna ayat-ayat yang dibaca untuk lebih menghayati pengajaran dan peringatan yang terkandung di dalamnya dan amalan ini sangat



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Pembukaan Rasmi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa.

efektif jika dibuat secara konsisten sama ada dalam peningkatan keimanan begitu juga dengan semangat persaudaraan keluarga.

Sabda DYT M lagi menjelaskan demikianlah antara pendekatan-pendekatan yang mudah saja dilakukan khasnya dalam lingkungan sesebuah institusi keluarga, di mana kita sentiasa berharap dengan memperkukuhkan amalan membaca Al-Quran ini akan menjadikan negara kita sentiasa

bergema dengan Al-Quran serta dilimpahi rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala, bahkan bertujuan untuk kesejahteraan hidup dan menjadi bekalan kita di akhirat nanti.

Terdahulu, DYT M bersabda yang mana dengan kehadiran kita semua ini jelas mencerminkan betapa kita sedar dan tunduk kepada keagungan kalamullah, kitab suci Al-Quran yang kita sanjung dan jadikan sebagai panduan kehidupan kita di dunia ini.

Majlis Perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Marlinawaty Hussin
Foto: Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersama paduka adinda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ketika berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1440H /

2019M. Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa dijunjung oleh

Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar;

Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1440 Hijrah, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1440 Hijrah serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Ke muka 10

Dari muka 9

Berangkat sama, adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Ketua Hakim Syari'e, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Pada malam pertama musabaqah berkenaan, DYTMM berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya menyempurnakan perasmian musabaqah berkenaan.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluannya antara lain menyembahkan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan pada tahun ini terdapat sedikit perubahan, yang mana pertandingan dimulakan di Peringkat Daerah dan Masjid, peserta yang memperoleh markah 80 peratus dan ke atas sahaja layak maju ke peringkat Separuh Akhir.

Yang Berhormat menyembahkan, hasilnya seramai 46 orang peserta yang layak bertanding di Peringkat Separuh Akhir dengan 10 orang peserta lagi ialah peserta-peserta yang menyertai peringkat akhir tahun lepas menjadikan jumlah para peserta musabaqah Peringkat Separuh Akhir yang diadakan pada 8 hingga 10 Januari 2019 di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas seramai 56 orang, yang mana 10 orang telah berjaya memasuki Peringkat Akhir.

Sembah Yang Berhormat lagi, maka dengan seorang johan qari dan seorang johan qariah tahun lepas sebagai johan menunggu menjadikan peserta-peserta Peringkat Akhir seramai 12 orang.

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan, di antara peserta di Peringkat Akhir tahun ini pernah menyertai Kursus Qari Qariah Muda yang dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang mana kursus khas yang mula diadakan pada tahun 2015 itu didapati sangat membantu bagi peningkatan mutu bacaan Al-Quran di negara ini yang mana antara pesertanya ada yang telah mengharumkan negara dalam Musabaqah Membaca Al-Quran Belia-Belia Asia Tenggara pada tahun 2017.

Musabaqah kemudiannya dimulakan dengan memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh dua orang peserta iaitu Awang Mohammad bin Ali dan Dayangku Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki.

Majlis diserikan dengan persembahan Nasyid yang bertajuk 'Pelajari Al-Quran' oleh Kumpulan Nasyid Sautul Barakah, Gabungan Program Keugamaan Belia di bawah KHEU.

Musabaqah kemudian disambung semula dengan dua orang lagi peserta iaitu Haji Awang Muhd. Fikri bin Haji Awang Metussin dan Dayang Siti Zahrina binti Abdul Wahab memperdengarkan bacaan mereka masing-masing.

Majlis pada malam itu diakhiri dengan bacaan Sayyidul Istighfar beramai-ramai yang dikepalai oleh pelajar-pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Tema Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun ini ialah 'Memperkasakan Pembelajaran Al-Quran'.

Musabaqah tahun ini diisikan dengan pameran-pameran terdiri dari Pameran dan Jualan Produk Kraf Tangan Mualaf, Unit Pengupayaan Mualaf, Bahagian Pembangunan Mualaf, Pusat Da'wah Islamiah; Pameran Kaligrafi Islam daripada Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Jualan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1440 Hijrah sejeurus berangkat tiba Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Buku-Buku Terbitan daripada Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Percetakan Kerajaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, dan Jualan Kain Tenunan daripada Syarikat Little Ummi. Pameran diadakan selama tiga hari musabaqah dijalankan

dengan tujuan bagi memeriahkan lagi suasana musabaqah, di samping mendedahkan kepada orang ramai tentang kesenian kaligrafi Islam serta memberikan peluang kepada warga mualaf memperkenalkan produk kraf tangan mereka. Musabaqah disambung pada esok malam dengan memperdengarkan lagi lapan

orang peserta, iaitu empat qari dan empat qariah. Pengumuman keputusan bagi menentukan Johan Qari dan Qariah Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1440H / 2019M akan diadakan pada Khamis malam Jumaat, 14 Februari 2019.



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet antara yang hadir pada Majlis Perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1440H / 2019M (kiri). Sementara gambar kanan, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1440 Hijrah, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa menyampaikan sembah alu-aluannya.



DUA orang peserta Peringkat Akhir, iaitu Awang Mohammad bin Ali dan Dayangku Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.



ANTARA para jemputan yang hadir pada majlis tersebut.

Kuatkan rasa cinta kepada bahasa Al-Quran



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa berucap pada Sambutan Bahasa Arab sempena Hari Bahasa Arab Sedunia di Negara Brunei Darussalam.

GADONG, Selasa, 12 Februari. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah

Dato Paduka Haji Awang Othman berkata, Sambutan Bahasa Arab sempena Hari Bahasa Arab Sedunia di Negara Brunei Darussalam yang dianjurkan pada tahun ini bertepatan 'Negara Zikir di Negara Zikir'.

Yang Berhormat menyatakan perkara itu semasa berucap pada Majlis Perasmian sambutan berkenaan di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), di sini.

Menurutnya, ini adalah peluang besar bagi merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir dan Doa dengan menguasai dan memahami bacaan Kitab Allah, dan memahami Sunnah Nabi

Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta memahami buku-buku warisan Islam dengan menguasai bahasa Arab.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, Hari Bahasa Arab Sedunia ini disambut pada 18 Disember pada setiap tahun, di mana Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengeluarkan Resolusi 3190 pada tahun 1973, bagi memasukkan bahasa Arab ke dalam bahasa-bahasa rasmi dan pekerjaan di PBB.

Sejak tahun 2012, katanya, Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) memutuskan untuk menjadikan 18 Disember sebagai Hari Sambutan Bahasa Arab, yang

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

mana pada tahun yang sama Pertubuhan UNESCO telah mengadakan Sambutan Bahasa Al-Quran buat pertama kali.

"Kepentingan anjuran program-program sambutan seperti hari ini diadakan setiap tahun adalah bagi menguatkan lagi rasa cinta kepada bahasa Al-Quran dan mempelajarinya, khususnya bagi kita di dalam mempraktikkannya di negara kita yang tercinta ini untuk merealisasikan Negara Zikir.

Tujuan ini selaras dengan objektif-objektif bagi ketiga-tiga buah organisasi yang menganjurkan sambutan ini. Sama-samalah kita dalam

memberikan sumbangan di dalam membangunkan Negara Brunei Darussalam," ujarnya

Yang Berhormat ingin memberi galakkan kepada organisasi-organisasi tersebut untuk terus bekerjasama di dalam menganjurkan banyak lagi pelbagai program dan aktiviti yang dapat membantu anak-anak kita di negara ini di dalam memperkembangkan bakat dan kemahiran mereka dari segi akademik, kehidupan mahupun bahasa, yang mana akan menjadikan mereka ini berguna pada diri mereka sendiri dan orang lain, dan menjadi pelapis yang baik kepada generasi lama.

Wujudkan persekitaran bahasa Arab kondusif

GADONG, Selasa, 12 Februari. - Sambutan Bahasa Arab sempena Hari Bahasa Arab Sedunia di Negara Brunei Darussalam diadakan pada hari ini di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Majlis yang julung kali diadakan ini adalah anjuran bersama UNISSA dengan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin juga merasmikan Jurnal Fakulti Bahasa Arab, UNISSA secara dalam talian.

Yang Berhormat seterusnya dibawa melawat Pameran Kreativiti Bahasa Arab yang mempamerkan budaya dan ketamadunan Bangsa Arab.

Tema sambutan Bahasa Arab sempena Hari Bahasa Arab Sedunia tahun ini ialah 'Bahasa Zikir di Negara Zikir'.

Objektif Sambutan Bahasa Arab ini ialah untuk mewujudkan

persekitaran bahasa Arab yang kondusif yang dapat membuka ruang bagi para pelajar untuk berinteraksi dalam bahasa Arab sesama sendiri dan sesama tenaga pengajar di UNISSA dan KUPU SB, dan juga bersama para pelajar dari luar agar kecenderungan mereka terhadap bahasa Arab dan keyakinan diri untuk bertutur dapat dipertingkatkan.

Program Sambutan Bahasa Arab ini juga adalah bertujuan untuk membarigakan kepentingan bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran, bahasa ibadat, bahasa ilmu dan bahasa tamadun kepada masyarakat, di samping meningkatkan kepekaan masyarakat terhadap bahasa Arab dengan menonjolkan usaha, inisiatif dan kejayaan negara, institusi dan individu yang berkaitan.

Begitu juga dapat merealisasikan gagasan Negara Zikir dengan memartabatkan penggunaan bahasa Arab di Negara Brunei Darussalam.

Majlis perasmian Sambutan Bahasa Arab turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Ra'es Jawatankuasa Eksekutif Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei; Rektor UNISSA; Ra'es KUPU SB;

Duta dan Perwakilan Negara-negara Arab di Negara Brunei Darussalam.

Seminar ini berlangsung selama tiga hari bermula hari ini dengan diisi beberapa aktiviti seperti Pertandingan Tausyeh, Pertandingan Khat, Pertandingan Qiraah, Forum Bahasa Arab, Pertandingan Mari Bercerita, dan Bengkel Bahasa Arab.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk sama-sama menyertai aktiviti-aktiviti yang diadakan sepanjang Sambutan Bahasa Arab di UNISSA.



ANTARA yang hadir pada Sambutan Bahasa Arab sempena Hari Bahasa Arab Sedunia yang diadakan di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Kemas kini kemajuan, kerja, aktiviti bersama masyarakat

Siaran Akhbar : Darussalam Enterprise

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Februari. - Pertemuan pihak berkepentingan Taman Industri Sungai Liang (SPARK), yang terdiri daripada para penyewa, iaitu Brunei Methanol Company Sdn. Bhd. (BMC); Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI); dan Persatuan Advanced Hydrogen Energy bagi Pembangunan Teknologi (AHEAD) bersama masyarakat setempat anjuran Darussalam Enterprise (DARE) diadakan di Dewan Serbaguna SPARK, di sini.

Acara itu disusun oleh pihak DARE sebagai sebahagian daripada peranan mereka dalam menyediakan dan mengurus Taman Perindustrian di negara ini dalam menampung pembangunan perniagaan dan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Pertemuan bersama masyarakat setempat bertujuan untuk mengemas kini kemajuan, kerja-kerja yang akan datang dalam SPARK dan antara aktiviti pembinaan yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat berkepentingan berkenaan.

Usaha para penyewa atau pihak-pihak berkepentingan dalam menaik taraf dan melaksanakan kemudahan baharu akan membantu menjana ekonomi

utama melalui aktiviti minyak dan gas hiliran.

Acara dimulakan dengan sesi pembentangan dari DARE yang diwakili oleh Pengurus Kanan, Pengurusan SPARK, Awang Abdullah bin Nawawi; diikuti dengan pembentangan dari BMC yang diwakili oleh Pengurus HSE BMC, Pengiran Haji Muhd. Ibrahim bin Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar dan Pengurus Operasi BMC, Awang Mohd. Jefri bin Haji Ahmed; BFI diwakili oleh Pengurus Tapak Thyssenkrupp Industrial Solutions Brn Sdn. Bhd., Rocky Booyzen dan Timbalan Pengurus Tapak, Erik Van Soestbergen; Pengurus Projek Mekanikal, Dextra Fracht; Pengurus Sumber Manusia, Simon Mercier; dan Haji Adinin dan Sons (B) Sdn. Bhd. diwakili oleh Awang Md. Haji Abed bin Haji Abdul Hamid. AHEAD pula diwakili oleh Pegawai Perhubungan Awam, Dayang Nurhazirah binti Mesli.

Pada sesi pembentangan tersebut, para pembentang mengongsikan mengenai projek-projek yang akan datang di syarikat masing-masing, di mana BMC mengongsikan mengenai

statistik HSE sebanyak 5.4 juta tanpa LTInya, Pemindahan jadual di pesisir yang akan bermula pada 24 Februari dan berakhir sebelum 16 April nanti, termasuk penyelenggaraan kemudahan boya tambahan tunggal luar pesisir BMC, iaitu 14km dari Pantai Sungai Liang.

Manakala BFI yang memulakan pembinaan kilang baja pertama Brunei pada Ogos 2018 mengongsikan mengenai status kerja-kerja pembinaan yang sedang dijalankan di SPARK, aktiviti-aktiviti yang akan datang berkaitan dengan pembinaan jeti dan perancangan logistik bagi pengangkutan peralatan SPARK.

AHEAD yang membina Loji Demo Hidrogenasi dan akan membekalkan bahan api hidrogen ke Tokyo menjelang 2020 pula mengongsikan mengenai pembinaan saluran paip hidrogen yang sedang berjalan dan akan berlangsung hingga Jun nanti, di mana projek tersebut akan bermula untuk pra-pentauliahan pada pertengahan 2019.

Antara yang hadir pada sesi pertemuan itu, pegawai-pegawai kerajaan, penghulu dan ketua kampung juga para penduduk sekitar.



SUASANA Pameran Kreativiti Bahasa Arab.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar memberi penerangan pada Sidang Media tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Febuari. - Kementerian Kesihatan akan memulakan perkhidmatan rintis untuk perkhidmatan sokongan emosi kepada orang ramai di Negara Brunei Darussalam melalui kaedah

Talian Harapan 145 beri perkhidmatan sokongan emosi

telefon yang dinamakan Talian Harapan 145 (Hope Line 145).

Hadir pada Sidang Media, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar hadir di Sidang Media Perkhidmatan Rintis Talian Harapan 145.

Turut hadir Setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Mohammad Khalifah bin Pengiran Haji Ismail, selaku Pengerusi.

Konsultan Psikiatri, Dr. Hilda Ho Ming Choo dalam Sidang Media yang berlangsung di Kementerian Kesihatan

menjelaskan antara tujuan utama Talian Harapan 145 ini adalah untuk memberikan empat jenis perkhidmatan iaitu: Memberikan maklumat mengenai perkhidmatan - perkhidmatan kesihatan mental yang terdapat di Negara Brunei Darussalam; Memberikan khidmat nasihat atau kaunseling dalam menangani situasi atau tekanan yang menyebabkan gangguan mental atau emosi seperti masalah peribadi, sosial atau lain-lain masalah yang berkaitan dengan emosi seseorang; Memberikan khidmat kecemasan dan bantuan kepada para pemanggil yang berada dalam krisis kesihatan mental yang boleh membawa kepada masalah psikologikal atau berfikir untuk membunuh diri, di samping menyediakan landasan yang selamat atau *a safe space* untuk membincangkan tentang masalah pemanggil; dan Memberikan khidmat nasihat dan membantu mereka yang memerlukan panduan untuk menangani sebarang perihalan masalah kesihatan mental yang dialami oleh seseorang yang dikenali atau tidak dikenali, termasuk panduan nasihat yang dapat diberikan untuk mencegah seseorang yang berfikir untuk membunuh diri dari melakukannya.

Talian Harapan 145 ini akan dikendalikan oleh profesional kesihatan mental yang terlatih dan bertauliah dari Kementerian

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Kesihatan. Dalam projek rintis ini, waktu operasi bagi Talian Harapan 145 ialah setiap hari dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 malam dan akan dipantau dari semasa ke semasa keperluan tambahan waktu perkhidmatannya.

Bagi membolehkan orang-orang awam menghubungi talian ini, setiap panggilan ke Talian Harapan 145 ini juga tidak dikenakan sebarang bayaran atau caj.

Kementerian Kesihatan ingin mengesyorkan dan memberikan jaminan kepada orang ramai bahawa setiap panggilan ke Talian Harapan 145 adalah sangat dan segala keterangan peribadi pemanggil akan dirahsiakan. Mengikut kesesuaian keadaan, para pemanggil juga mungkin akan dinasihatkan untuk mendapatkan perkhidmatan sokongan lanjutan daripada profesional kesihatan seperti doktor atau psikologis, serta ahli profesional lain di luar Kementerian Kesihatan, seperti khidmat nasihat atau kaunseling yang ditawarkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat; Pasukan Polis Diraja Brunei; Jabatan Bomba dan Penyelamat dan sebagainya. Namun begitu, hak pemanggil untuk membuat pilihan semasa mahupun selepas panggilan mengenai tindakan

selanjutnya yang dipilih mereka akan dihormati.

Kementerian Kesihatan seterusnya ingin menekankan kepada orang ramai akan kepentingan untuk bersama-sama di dalam memberikan sokongan kepada individu yang mempunyai masalah kesihatan mental dan melayan individu tersebut dengan hormat, lebih-lebih lagi yang berisiko untuk membunuh diri.

Menawarkan bantuan kepada ahli keluarga, kawan atau rakan sekerja; seperti mendengar akan kebimbangan mereka, bertanya apa yang boleh awda lakukan untuk membantu, atau menawarkan untuk menemani mereka berjumpa dengan doktor atau ahli psikologi, atau mendorong mereka menghubungi Talian Harapan 145; semuanya boleh membuat banyak perbezaan kepada individu-individu yang mempunyai tekanan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Perkhidmatan-Perkhidmatan Kesihatan Mental di Negara Brunei Darussalam, orang ramai boleh menghubungi Talian Harapan 145 ataupun Talian Darussalam 123 ataupun melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn.



ANTARA yang hadir pada Sidang Media Perkhidmatan Rintis Talian Harapan 145.



MINDA PEMBACA

Semai akhlak mulia dalam kehidupan seharian

AKHLAK mulia merupakan satu elemen penting yang sepatutnya ada pada diri setiap individu yang tinggal di sebuah negara yang mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja. Konsep ini tidak syak lagi mencerminkan identiti dan jati diri orang Brunei sejak dulu lagi, kerana ketiga-tiganya berjalan seiring dan saling melengkapi antara satu sama yang lain.

Masyarakat Melayu Brunei setentunya memang cukup terkenal dengan kelembutan, kesopanan dan kesantunan berbahasa. Ungkapan peribahasa melayu bahasa menunjukkan bangsa menunjukkan peranan berbahasa dalam mendidik bangsa melayu untuk mengamalkan akhlak mulia dalam kehidupan bermasyarakat. Ini bermakna nilai-nilai

murni sudah awal-awal lagi disemai dan dipraktikkan melalui pertuturan mereka sekali gus tingkah laku mereka.

Di samping itu, Islam merupakan agama rasmi negara kita yang telah diberi keutamaan untuk mengawal dan memastikan segala tindak tanduk kita selari dengan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah. Islam sememangnya mengajar umatnya untuk sentiasa berhias dengan akhlak mulia, sehinggakan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diutus kepada kita untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak, seperti sabda Baginda yang maksudnya: "Sesungguhnya aku telah diutus (menjadi Rasul) untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak."

Sistem pemerintahan beraja yang meletakkan Sultan sebagai

payung ataupun ketua negara yang berjaya kekal hingga ke hari ini mengetengahkan ciri-ciri taat setia, hormat dan patuh kepada raja dan pentadbiran negara. Ini juga merupakan antara nilai-nilai murni yang menjadi tanggungjawab setiap rakyat yang menetap di Negara Brunei Darussalam, dan ia juga merupakan salah satu tuntutan di dalam Islam, bertepatan dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala yang tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada 'Ulil-Amri' (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu." (Surah An-Nisa, ayat 59)

Oleh itu, amatlah mustahak bagi kita untuk sentiasa memupuk dan menyemai akhlak mulia dalam

kehidupan seharian kita, lebih-lebih lagi kita berpegang dengan konsep Melayu Islam Beraja yang merupakan dasar negara kita yang sudah lama diperkenalkan. Di samping sibuk mengejar Wawasan Brunei 2035, kita pada masa yang sama tidak boleh lupa untuk bertindak sesuai mengikut budaya bangsa Melayu kita yang bersendikan ajaran agama Islam, serta sentiasa taat dan patuh terhadap raja yang kita cintai; untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah Negara Zikir dan 'Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur' (negara yang aman makmur dan tuhan yang maha pengampun).

Nama : Muhamad Adi Adham bin Ramlan
No. K/P : 01-086121 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Ancaman Jenayah Siber Menggugat Keamanan'. Tarikh Tutup : 13 Februari 2019
2. 'Rakyat Perlu Memiliki Nilai Patriotisme'. Tarikh Tutup : 20 Februari 2019
3. 'Semangat Kejiranan Erat Perpaduan'. Tarikh Tutup : 27 Februari 2019

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Hubungan akrab Brunei - Iran terjalin erat



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof (tengah) bersama isteri dan Kuasa Usaha Sementara Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam, Dr. Mahmoud Rahimi Gorji memotong kek sempena Ulang Tahun Kemenangan Revolusi Republik Islam Iran Ke-40 (kiri). Sementara gambar kanan, sebahagian jemputan yang hadir pada Majlis Resepsi tersebut.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Februari. - Bagi meraikan Ulang Tahun Kemenangan Revolusi Islam di Republik Islam Iran Ke-40, Kedutaan Republik Islam Iran di Negara Brunei Darussalam mengadakan Majlis Resepsi yang berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat

mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Hadir sama, Kuasa Usaha Sementara, Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam, Dr. Mahmoud Rahimi Gorji.

Dalam ucapannya, Dr. Mahmoud Rahimi Gorji antara lain menjelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang aman serta stabil di rantau ini dan sebagai anggota aktif dan penting dalam ASEAN di bawah kepimpinan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu katanya, negara ini juga mempunyai peranan yang penting dalam dasar luar Republik Islam Iran.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan Brunei, 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu kebangsaan Republik Islam Iran, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Acara kemuncak majlis ialah memotong kek ulang tahun yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi bersama Dr.

Mahmoud Rahimi Gorji.

Majlis turut diserikan dengan tayangan video mengenai Republik Islam Iran.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Islam Iran adalah antara dua buah negara yang mempunyai persamaan dari segi sejarah, budaya dan agama serta mempunyai minat yang sama membuatkan kedua-dua buah negara ini menjadi lebih akrab dalam meningkatkan hubungan serta kerjasama dalam pelbagai bidang.

Membanteras perhubungan bebas

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

HADIS riwayat Imam ath-Thabrani, daripada Ma'qil bin Yasar, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda :

"Sekiranya kepala salah seorang daripada kamu ditusuk dengan jarum besi, itu adalah lebih baik bagi kamu daripada kamu menyentuh wanita yang tidak halal bagi kamu."

Hubungan bebas biasanya diiringi dengan hubungan seks bebas. Ini disebabkan kelemahan mengawal nafsu dan iman seseorang yang bergaul bebas, di mana hanya memikirkan kepuasan di dalam hatinya, perbuatan ini disusuli dengan perasaan kasih sayang dan cinta yang mendalam di antara kedua-dua pasangan yang telah buta, khayal, pekak dan tidak menghiraukan lagi batas-batas, hukum-hukum serta nilai-nilai yang telah ditetapkan oleh syariat Islam. Perhubungan ini akhirnya membawa kepada lembah dosa dan perzinahan.

Puncanya perhubungan, pergaulan dan perlakuan seks bebas bermula daripada kurang kawalan nafsu individu itu sendiri, didikan agama, harmoni kekeluargaan (kurang perhatian), terpengaruh budaya luar serta faktor persekitaran. Golongan yang mudah terjebak kepada pengaruh ini adalah golongan remaja dan belia kerana peringkat ini merupakan satu peringkat fasa peralihan dari dunia kanak-kanak ke dunia dewasa.

Pada peringkat ini, mereka mula mempunyai perasaan keinginan mencuba dan melakukan sesuatu yang mendatangkan

kepuasan tanpa memikirkan keburukan dan akibatnya daripada pergaulan bebas yang menjerumus kepada seks bebas.

Ibu bapa yang mengabaikan ajaran dan tuntutan agama Islam menjadikan suatu perkara yang negatif dalam hidup anak-anak, iaitu tidak menghiraukan tentang ajaran Islam dan memudahkan golongan anak-anak (remaja) terjebak dengan gejala sosial yang negatif yang menjadi larangan agama.

Bermulanya hubungan bebas ini adalah melalui pandangan dan sentuhan. Dalam hadis sebelum ini menjelaskan bahawa tegahan agama Islam kepada kaum lelaki yang menyentuh perempuan yang *ajnabiyah* (yang bukan mahram). Hukumnya adalah haram. Perkara inilah yang akan mengakibatkan terjerumus kepada penzinahan.

Hadis riwayat Imam al-Bukhari, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud :

"Zina mata iaitu dengan melihat dan zina lidah ialah dengan berkata-kata sedang nafsu mengangan-angankan dan menginginkannya, dan kelamin pula yang akan membenarkan (melakukan) atau mendustakan menghindarinya."

Dalam hadis ini, ada menjelaskan bahawa hukum dan larangan ugama Islam seperti menyuruh menutup aurat ke atas lelaki dan perempuan, larangan memakai wangi-wangian bagi kaum perempuan ketika keluar dari rumah, larangan menyentuh kulit lelaki dan perempuan,

'IBU bapa yang mengabaikan ajaran dan tuntutan agama Islam menjadikan suatu perkara yang negatif dalam hidup anak-anak iaitu tidak menghiraukan tentang ajaran Islam dan memudahkan golongan anak-anak (remaja) terjebak dengan gejala sosial yang negatif yang menjadi larangan agama.'

KELUARAN PERTAMA

melarang lelaki dan perempuan berhubung dan bergaul bebas dan sebagainya, iaitu adalah tepat sekali dan munasabah dalam mengatur kehidupan seharian bagi menghindari melakukan perbuatan zina yang keji.

Zina adalah perbuatan hubungan tanpa ada ikatan yang sah yang dibenci dan dilaknati oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Perhubungan ini berpunca daripada kelemahan iman seseorang yang tidak dapat melawan nafsu. Hasil daripada perbuatan melakukan zina menyebabkan kes pembuangan anak menjadi-jadi. Si pelaku yang tidak menghiraukan hukum-hukum dan hanya melayan hawa nafsu yang menyebabkan lahirnya anak yang tidak berdosanya yang di luar pernikahan. Perkara ini menjadi masalah terhadap masa depan anak tersebut dan merosakkan keturunan.

Langkah - Langkah Membanteras Pergaulan Bebas Antaranya :

Islam adalah agama syumul yang menjaga kemaslahatan umatnya daripada terjerumus melakukan kemungkaran dan kebinasaan. Ia telah menggariskan syariat yang perlu diikuti bagi menjaga batas-batas pergaulan serta perhubungan. Di antaranya ialah :

- MENGIKUTKAN PEGANGAN AGAMA

Salah satu cara untuk membanteras

hubungan bebas ataupun zina, ialah dengan kembali mengukuhkan pegangan agama. Pendedahan tentang pengharaman zina serta hukuman dan akibatnya ada dijelaskan di dalam Al-Quran dan Sunnah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam perlu disampaikan dan disebarkan agar masyarakat tahu dan sedar dari kelalaian melakukan kemungkaran.

- MENJAGA AURAT

Pakaian adalah pelengkap kepada penutupan aurat. Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan supaya umat manusia menutup aurat mereka dengan berpakaian dan berhijab. Sebagaimana firman-Nya dalam Surah An-Nuur, ayat 31 :

Tafsirnya :

"Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menahan pandangan mereka (daripada memandangkan perkara yang diharamkan) dan memelihara kemaluan mereka (daripada melakukan perkara yang haram). Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan (aurat) mereka kecuali yang zahir daripadanya (muka dan kedua-dua telapak tangan), dan hendaklah mereka menutupkan tudung ke dada mereka. Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan (aurat) mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka atau anak-anak tiri mereka atau adik-beradik mereka atau anak adik-beradik mereka yang lelaki atau anak adik-beradik mereka yang perempuan atau perempuan-perempuan Islam atau hamba-hamba yang mereka milik atau pembantu-pembantu lelaki yang sudah tua yang tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang aurat perempuan. Dan janganlah mereka menghentakkan kaki supaya diketahui orang perhiasan mereka yang tersembunyi. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah wahai orang-orang yang beriman, mudah-mudahan kamu beroleh kemenangan."



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI www.recruitment.gov.bn

RALAT

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 09/02/19 (SPA/BIKL)

TAMBAHAN DUA IKLAN JAWATAN KOSONG MENJADIKAN SEMBILAN JAWATAN KOSONG KELUARAN 11 FEBRUARI 2019

TARIKH TUTUP IKLAN : 25 FEBRUARI 2019

<p>1. PEGAWAI KESIHATAN AWAM B.2 EB.3 BAHAGIAN II JABATAN DASAR DAN PERANCANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN KEKOSONGAN = SATU (01)</p>	<p>2. PEGAWAI PELAJARAN KESIHATAN B.2 EB.3 BAHAGIAN II PUSAT PROMOSI KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN KEKOSONGAN = SATU (01)</p>	<p>3. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II B.2 EB.3 BAHAGIAN II BAHAGIAN UNDANG-UNDANG DAN KESEJAHTERAAN JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN = SATU (01)</p>
<p>4. PEGAWAI PENTADBIR PELATIH B.2 BAHAGIAN II JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN = EMPAT (04)</p>	<p>5. PENOLONG PEGAWAI KEWANGAN TINGKAT I C.3-4 EB.5 BAHAGIAN III JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN = SATU (01)</p>	<p>6. PENYELENGGARA STOR TINGKAT I D.4 EB.5 BAHAGIAN IV PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI KEKOSONGAN = SATU (01)</p>
<p>7. PEGAWAI KESIHATAN AWAM B.2 EB.3 BAHAGIAN II JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR KEMENTERIAN KESIHATAN KEKOSONGAN = DUA (02)</p>	<p>8. PENOLONG PEGAWAI LATIHAN C.3-4 EB.5 BAHAGIAN III JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN = SATU (01)</p>	

PERATURAN 38(A)

BILANGAN IKLAN 13/2019 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN : 11 FEBRUARI 2019
TARIKH TUTUP : 04 MAC 2019

- 1. TIMBALAN Pengerusi Lembaga Bendaran Kumpulan 2**
BAHAGIAN I
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
KEKOSONGAN = SATU (01)

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



**BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**IKLAN JAWATAN KOSONG
BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pegawai yang sedang berkhidmat atau pemohon-pemohon baharu untuk memenuhi jawatan kosong seperti berikut di BIRO KAWALAN NARKOTIK, Jabatan Perdana Menteri.

**PENOLONG PEGAWAI NARKOTIK II
(BKN 1 - 2 EB 3 : BND530.00 - BND1,125.00)**

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

- Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan rasmi agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- i. Lulus dengan kepujian / kredit dalam empat (4) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa termasuk mata pelajaran Sains dan Matematik dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

ATAU

- ii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang ada hubungkaitnya dengan penguatkuasaan undang-undang dalam Bahagian V selama tidak kurang lima (5) tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan / atau pengalaman dalam bidang penguatkuasaan undang-undang adalah merupakan satu kelebihan.

4. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat daripada ketua jabatan adalah merupakan satu (1) kelebihan.

SYARAT-SYARAT LAIN :

- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas, di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

CARA PERMOHONAN / MAKLUMAT :

- Semua permohonan adalah melalui mengisi borang SPA 1.
- Borang SPA 1 boleh didapati di Unit Pentadbiran, Ibu Pejabat Biro Kawalan Narkotik dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan, permohonan mestilah melalui ketua jabatan dan mengandungi surat sokongan ketua jabatan berkenaan berserta salinan prestasi dan rekod perkhidmatan.
- Permohonan yang diterima lewat dari tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.
- Borang permohonan hendaklah dikembalikan kepada :

**PENGARAH
BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI
JALAN TUNGKU GADONG
BANDAR SERI BEGAWAN BE2010
TELEFON : +673 2448877**

**TARIKH TUTUP IKLAN :
14 Mac 2019**



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : III, IV & V SAHAJA
KATEGORI : KA01 SAHAJA - KOD BAHARU**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
26 FEBRUARI 2019 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP :
12 MAC 2019 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN :
JKR / DTS / 06 / BKTKS / 2019 - T / IV**

**NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH
TANAH SUSUR DI NO. 6, SIMPANG 187-21,
JALAN 77, KAMPUNG PERPINDAHAN**

**LAMBAK KANAN
NO. PROJEK :**

(01 / 09) JKR / BKT-KS / BM1189

**YURAN TAWARAN : BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

YURAN E -DOKUMEN : -

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran. Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran dan syarat-syarat boleh dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait (Bilangan Tawaran yang dimulai dengan huruf JKR/DBSKB...) boleh dilihat dan diperoleh dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI ISMAIL BIN HAJI BAKAR** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI BAKAR BIN HAJI BAKARI / BAKRI** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada **16 FEBRUARI 2019, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat

bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 Januari 2019.

**DK NORAFIDAH
BINTI PG HAJI BUNGSU
B/P. TIMBALAN
PEGAWAI WARIS TUTONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**



**MAHKAMAH PEGAWAI
WARIS TUTONG**

**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS, TUTONG**

**SURAT KUASA PUSAKA :
TUT / LA / 06 / 2019**


**JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
**TAWARAN RANCANGAN
PERMAKAPAN SEKOLAH-
SEKOLAH BAHAGIAN SKIM
MINUM**

[tidak lewat jam 2.00 Petang]

BILANGAN TAWARAN :
MOE / LTK / 55 / 2018 / 2019
(DA[BPPA-FEB-2019])

KETERANGAN :
TAWARAN RANCANGAN
PERMAKAPAN SEKOLAH-
SEKOLAH, BAHAGIAN SKIM
MINUM BAGI :
**1. SEKOLAH RENDAH PEHIN
DATO JAMIL**
**2. SEKOLAH RENDAH KAMPUNG
BENDAHARA LAMA**
**3. SEKOLAH RENDAH HAJI TARIF
DAERAH BRUNEI MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN.
[BAGI KOD BLOK : SM/03]**
BILANGAN TAWARAN :
MOE / LTK / 52 / 2018 / 2019
(DA[BPPA-FEB-2019])

KETERANGAN :
TAWARAN RANCANGAN
PERMAKAPAN SEKOLAH-
SEKOLAH, BAHAGIAN SKIM
MINUM BAGI :
**1. SEKOLAH RENDAH PEHIN
DATO JAMIL**
**2. SEKOLAH RENDAH KAMPUNG
BENDAHARA LAMA**
**3. SEKOLAH RENDAH HAJI TARIF
DAERAH BRUNEI MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN.
[BAGI KOD BLOK : SM/03]**
**BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN :**
BND50.00

 [bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
26 FEBRUARI 2019
[tidak lewat jam 2.00 Petang]

BILANGAN TAWARAN :
MOE / LTK / 53 / 2018 / 2019
(DA[BPPA-FEB-2019])

KETERANGAN :
TAWARAN RANCANGAN
PERMAKAPAN SEKOLAH-
SEKOLAH, BAHAGIAN SKIM
MINUM BAGI :
**1. SEKOLAH RENDAH PENGIRAN
ANAK PUTERI BESAR,
SUNGAI KEBUN**
**2. SEKOLAH RENDAH
SUNGAI SIAMAS
DAERAH BRUNEI MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN.
[BAGI KOD BLOK : SM/04]**
**BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN :**
BND50.00

 [bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
26 FEBRUARI 2019
[tidak lewat jam 2.00 Petang]

BILANGAN TAWARAN :
MOE / LTK / 54 / 2018 / 2019
(DA[BPPA-FEB-2019])

KETERANGAN :
TAWARAN RANCANGAN
PERMAKAPAN SEKOLAH-
SEKOLAH, BAHAGIAN SKIM
MINUM BAGI SEKOLAH RENDAH
DATO MAHAWANGSA LAMBAK
DAERAH BRUNEI MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN.
[BAGI KOD BLOK : SM/09]

**BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN :**
BND50.00

 [bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
26 FEBRUARI 2019
**BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN :**
BND50.00

 [bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
26 FEBRUARI 2019
[tidak lewat jam 2.00 Petang]

BILANGAN TAWARAN :
MOE / LTK / 56 / 2018 / 2019
(DA[BPPA-FEB-2019])

KETERANGAN :
TAWARAN RANCANGAN
PERMAKAPAN SEKOLAH-
SEKOLAH, BAHAGIAN SKIM
MINUM BAGI :
**1. SEKOLAH RENDAH DANAU
TELISAI**
**2. SEKOLAH RENDAH TUMPUAN
TELISAI**
**3. SEKOLAH RENDAH ABDUL
RASHID, TANJONG MAYA**
**4. SEKOLAH RENDAH LUBUK
DAERAH TUTONG,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN.
[BAGI KOD BLOK : SM/42]**
**BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN :**
BND50.00

 [bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
26 FEBRUARI 2019
[tidak lewat jam 2.00 Petang]

BILANGAN TAWARAN :
MOE / LTK / 57 / 2018 / 2019
(DA[BPPA-FEB-2019])

KETERANGAN :
TAWARAN RANCANGAN
PERMAKAPAN SEKOLAH-
SEKOLAH, BAHAGIAN SKIM
MINUM BAGI :
**1. SEKOLAH RENDAH ORANG
KAYA ALI WANIKA SETIA
DIRAJA, KUPANG**
2. SEKOLAH RENDAH BIRAU
3. SEKOLAH RENDAH BEKIAU
**4. SEKOLAH RENDAH BATANG
MITUS DAERAH TUTONG,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN.
[BAGI KOD BLOK : SM/43]**
**BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN :**
BND50.00

 [bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
26 FEBRUARI 2019
[tidak lewat jam 2.00 Petang]

BILANGAN TAWARAN :
MOE / LTK / 58 / 2018 / 2019
(DA[BPPA-FEB-2019])

KETERANGAN :
TAWARAN RANCANGAN
PERMAKAPAN SEKOLAH-
SEKOLAH, BAHAGIAN SKIM
MINUM BAGI :
1. SEKOLAH RENDAH SINAUT
**2. SEKOLAH RENDAH BUKIT
PANGGAL**
**3. SEKOLAH RENDAH KERIAM
DAERAH TUTONG,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN.
[BAGI KOD BLOK : SM/45]**
**BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN :**
BND50.00

 [bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
26 FEBRUARI 2019
[tidak lewat jam 2.00 Petang]

BILANGAN TAWARAN :
MOE / LTK / 59 / 2018 / 2019
(DA[BPPA-FEB-2019])

KETERANGAN :
TAWARAN RANCANGAN
PERMAKAPAN SEKOLAH-
SEKOLAH, BAHAGIAN SKIM
MINUM BAGI :
**1. SEKOLAH RENDAH SUNGAI
LIANG**
**2. SEKOLAH RENDAH LUMUT
DAERAH BELAIT,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN.
[BAGI KOD BLOK : SM/50]**
**BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN :**
BND50.00

 [bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
26 FEBRUARI 2019
[tidak lewat jam 2.00 Petang]

**TAWARAN RANCANGAN
PERMAKAPAN SEKOLAH-
SEKOLAH BAHAGIAN ASRAMA
KERING**
BILANGAN TAWARAN :
MOE / LTK / 60 / 2018 / 2019
(DA[BPPA-FEB-2019])

KETERANGAN :
TAWARAN RANCANGAN
PERMAKAPAN SEKOLAH-
SEKOLAH, BAHAGIAN ASRAMA
KERING BAGI IBTE KAMPUS
NAKHODA RAGAM, KM. 13,
JALAN LEBUHRAYA
MUARA TUTONG,
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN.
[BAGI KOD BLOK : AK/02]

**BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN :**
BND100.00

 [bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
26 FEBRUARI 2019
[tidak lewat jam 2.00 Petang]

BILANGAN TAWARAN :

 MOE / LTK / 61 / 2018 / 2019
(DA[BPPA-FEB-2019])

KETERANGAN :
TAWARAN RANCANGAN
PERMAKAPAN SEKOLAH-
SEKOLAH, BAHAGIAN ASRAMA
KERING BAGI SEKOLAH SUKAN,
JALAN PULAIE,
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN.
[BAGI KOD BLOK : AK/08]

**BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN :**
BND100.00

 [bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
26 FEBRUARI 2019
[tidak lewat jam 2.00 Petang]

BILANGAN TAWARAN :
MOE / LTK / 62 / 2018 / 2019
(DA[BPPA-FEB-2019])

KETERANGAN :
TAWARAN RANCANGAN
PERMAKAPAN SEKOLAH-
SEKOLAH, BAHAGIAN ASRAMA
KERING BAGI IBTE KAMPUS
AGRO-TEKNOLOGI,
JALAN LIMAU MANIS,
DAERAH BRUNEI MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN.
[BAGI KOD BLOK : AK/09]

**BAYARAN YURAN /
DOKUMEN TAWARAN :**
BND100.00

 [bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
26 FEBRUARI 2019
[tidak lewat jam 2.00 Petang]

**TARIKH TAKLIMAT / HARI
DAN WAKTU :**
**20 FEBRUARI 2019, RABU
JAM : 9.00 PAGI**
TEMPAT TAKLIMAT :
**BLOK C, UNIT PERKHIDMATAN
PERMAKAPAN DAN ASRAMA,
JALAN PASIR BERAKAS**
Syarat-Syarat Iklan Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dimiliki dan dijalankan oleh warga tempatan.

2. Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar borang dokumen sebut harga, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan resit pembayaran borang dokumen sebut harga yang di terima adalah betul.

3. Borang-borang sebut harga boleh diperolehi di Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran dokumen.

4. Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

Kongsi kegembiraan sambut Tahun Baharu Cina 2019



Berita dan Foto : Ihsan Biro Media dan Publisiti Majlis Perundingan Kampung Subok

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Februari. - Sempena menyambut Tahun Baharu Cina 2019, masyarakat Tiong Hwa

di negara ini masing-masing mengadakan Rumah Terbuka bagi mengalu-alukan keluarga terdekat dan sahabat handai pada tarikh-tarikh tertentu.

Antara yang mengadakan rumah terbuka tersebut kelmarin ialah Joyful Garden di alamat No.40, Simpang 214, Kampung Subok.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis selaku Penghulu Mukim Kota Batu semasa hadir pada Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina 2019 bagi masyarakat Tiong Hwa di Rumah Terbuka Joyful Garden di alamat No.40, Simpang 214, Kampung Subok (kiri dan atas). Juga hadir, Ketua Kampung Subok, Awang Haji Md. Jais bin Md. Salleh dan Penasihat Majlis Perundingan Kampung (MPK) Subok, Awang Haji Majid bin Haji Japar.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis selaku Penghulu Mukim Kota Batu.

Juga hadir, Ketua Kampung Subok, Awang Haji Md. Jais bin Md. Salleh dan Penasihat Majlis

Perundingan Kampung (MPK) Subok, Awang Haji Majid bin Haji Japar.

Menurut pemilik taman tersebut, acara seumpamanya adalah untuk sama-sama berkongsi kegembiraan dan keceriaan tidak mengira bangsa dan agama terutama untuk penduduk

Kampung Subok dan orang ramai.

Hampir 400 tetamu hadir berkunjung ke rumah terbuka tersebut dengan menikmati pelbagai jenis makanan dan minuman yang turut yang diungkuhkan bersama oleh Ahli-ahli MPK Subok.

Kedutaan Kuwait serahkan sumbangan kepada Pusat Ehsan



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Salah Mubarak Musleh Al-Mutairi (kiri) sama-sama membaca Doa Kesyukuran sejour menyeraikan sumbangan berupa sebuah kenderaan kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Berita dan Foto : Aimi Sani

BENGGURONG, Isnin, 11 Februari. - Kedutaan Kuwait di Negara Brunei Darussalam menyerahkan sumbangan berupa sebuah kenderaan kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang berlangsung di bangunan baharu pusat berkenaan di Kampung Bengkurong, di sini.

Penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Salah Mubarak Musleh Al-Mutairi dan diserahkan kepada

Pemegang Amanah Kanan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab dan Pemegang Amanah Eksekutif Pusat berkenaan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Di kesempatan itu, TYT Salah Mubarak Musleh Al-Mutairi menyatakan kebahagiaannya kerana dapat ikut serta membuat kegiatan amal sedemikian dan seterusnya menekankan bahawa ia bukan sahaja memberikan bantuan

material kepada Pusat Ehsan tetapi lebih penting lagi untuk membantu mewujudkan kesedaran serta memberikan bantuan kemanusiaan bagi yang memerlukan.

Pusat Ehsan merupakan sebuah badan amal bukan kerajaan dan tidak berasaskan keuntungan serta menyediakan pembelajaran khas yang bermutu, latihan, pemedulian dan perkhidmatan pemulihan anggota kepada insan-insan istimewa di negara ini.

Setakat ini, Pusat Ehsan mempunyai 200 penuntut istimewa berdaftar di Pusat Ehsan, Bengkurong, manakala lebih 50 lagi berdaftar di Pusat Ehsan, Kuala Belait.

CIBFM anjur Hari Terbuka

**Siaran Akhbar :
Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Februari. - Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM), dengan sokongan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) menganjurkan Hari Terbuka CIBFM 2019, bermula 11 Februari dan Selasa, 12 Februari di Dewan Kuliah, The Core Residential College, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Dengan tema 'Learn, Adapt, Progress', objektif Hari Terbuka CIBFM adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai CIBFM, program-program latihan dan aktiviti-aktiviti CIBFM, berkaitan dengan pembangunan modal insan di negara ini, dalam bidang Kewangan Islam, konvensional dan kepimpinan.

Hari Terbuka CIBFM dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Penolong Pengarah Urusan AMBD, Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat, selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif CIBFM.

Acara diteruskan dengan satu pembentangan yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SMR HR Group, Dr. Amat Taap Manshor, bertajuk 'Talent Management Competency Framework', diikuti dengan forum bertajuk 'New World Challenges and Solutions in HR' dan satu pembentangan mengenai latihan yang akan dianjurkan oleh CIBFM tahun ini.

Pada hari kedua nanti, Hari Terbuka CIBFM akan lebih memfokuskan ke arah membantu pencari kerja dalam mencari pekerjaan. Antara program yang akan diadakan adalah perbincangan panel bertajuk 'How to Impress your Potential Employers?'. Panel akan membincangkan jangkaan dan keperluan pihak pengurusan sumber manusia sebelum, semasa dan selepas proses pengambilan pekerja.

Program-program lain yang akan diadakan pada hari kedua, termasuk latihan pendek mengenai kemahiran temu duga, di mana hadirin dapat mempelajari cara-cara untuk menjawab soalan temu duga; latihan 'People Manual (Jobseeker edition)' yang akan mengajar peserta cara-cara untuk membina dan memperbaiki hubungan sesama rakan sekerja; dan latihan 'Getting Things Done®', yang akan menunjukkan cara-cara untuk menjadi lebih efisien dan produktif dalam bekerja.

Orang ramai, terutama sekali pencari kerja, dijemput dan digalakkan untuk menghadiri Hari Terbuka CIBFM, di Dewan Kuliah, The Core Residential College, UBD, untuk memanfaatkan latihan-latihan percuma yang akan diadakan pada hari kedua acara tersebut.

Suami abaikan nafkah : Bolehkah isteri mengambil haknya secara sembunyi?

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ANTARA kewajiban seorang suami terhadap isteri serta orang-orang yang di bawah tanggungannya ialah memberikan nafkah. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 233 :

Tafsirnya : "Dan kewajiban bapa menanggung nafkah makan minum dan pakaian mereka dengan cara yang patut."

(Surah al-Baqarah : 233)

Penunai nafkah yang sempurna merupakan salah satu asas utama kestabilan dan keharmonian hidup rumah tangga. Jika ditunaikan sebagaimana yang sepatutnya, sesebuah keluarga itu akan dapat menelusuri kehidupan dengan selesa, penuh rukun dan harmoni. Sebaliknya, pengabaian nafkah pula akan menyebabkan krisis dan pergolakan yang lambat laun akan mengikis kestabilan dan keharmonian yang diharap-harapkan.

Isteri yang diabaikan penunai nafkahnya adalah isteri yang teraniaya. Dalam keadaan terdesak, adakalanya mereka nekad mengambil hak mereka secara sembunyi di luar pengetahuan suami bagi memenuhi perbelanjaan diri atau anak-anak. Dari sudut pandangan syarak, adakah seorang isteri mempunyai hak untuk berbuat demikian?

Sebelum membincangkan secara lebih lanjut mengenai perkara di atas, elok disebutkan di sini secara ringkas nafkah isteri yang wajib ditunaikan oleh suami.

Nafkah Isteri Yang Wajib Ditunaikan Oleh Suami

Hak-hak yang wajib ditunaikan oleh seorang suami terhadap isterinya adalah;


i. Makanan
Suami wajib memberi nafkah makan kepada isterinya dengan makanan asasi bagi sesebuah negeri seperti beras di Negara Brunei Darussalam.

Bagi suami yang mampu atau kaya, dia wajib memberi nafkah sebanyak dua *mudd*, iaitu bersamaan dengan 1 kilo 133.70 gram beras. Manakala suami yang tidak mampu hanya wajib memberi satu *mudd* sahaja iaitu 566.85 gram bagi setiap hari. Adapun bagi orang pertengahan, wajib membayar 1 ½ *mudd*, iaitu bersamaan 850.275 gram.

Menurut Imam as-Syirazi Rahimahullah pula adalah harus bagi suami memberi beras itu dengan nilai harga jika suami isteri bersetuju.

Mazhab asy-Syafi'i juga menetapkan bahawa pemberian nafkah tersebut pada setiap hari bermula dari terbit matahari. Walau bagaimanapun, adalah harus memberi nafkah itu dengan segera atau melambatkannya tertakluk kepada persetujuan suami isteri.

Termasuk juga dalam kategori makanan itu segala lauk-pauk, bahan-bahan rempah-ratus, minyak makan dan sebagainya. Suami juga wajib menyediakan alat dapur seperti tempat



memasak, pinggan mangkuk dan yang berkaitan dengannya.

ii. Pembantu bagi isteri yang kebiasaannya mempunyai pembantu.

Suami yang berkemampuan dituntut menyediakan pembantu jika isteri daripada keluarga yang kebiasaannya mempunyai pembantu. Dalam hal ini, suami juga wajib membayar nafkah bagi pembantu tersebut seperti bayaran gaji, makan minum dan pakaiannya.

Menurut Imam as-Syirazi Rahimahullah, suami hanya patut menyediakan seorang pembantu sahaja bagi isterinya dan pembantu itu adalah seorang perempuan atau seorang lelaki yang mempunyai hubungan mahram dengan isteri.

iii. Pakaian

Menurut ulama, urusan menyediakan pakaian isteri tertakluk kepada kemampuan suami kerana tidak ada *nash* yang menentukan kadar dan jumlahnya. Akan tetapi hakim atau kadi boleh menentukan kadar dan jumlahnya itu dengan mempertimbangkan keadaan dan kemampuan suami.

Termasuk dalam kategori pakaian yang wajib disediakan itu ialah *milhafah* (selimut), *wisadah* (bantal), *labid* (hamparan permaidani yang tebal atau tilam), *hasyir* (tikar) dan lain-lain.

iv. Alat-alat pembersih badan dan pencuci pakaian, sikat dan sebagainya.

v. Rumah serta perkakas-perkakasnya.

Suami wajib menyediakan tempat tinggal atau rumah untuk isterinya sama ada dengan membeli, menyewa, meminjam atau didapatkan melalui waqaf.

Ulama juga mensyaratkan bahawa rumah yang disediakan itu hendaklah sempurna sebagaimana kelazimannya bagi sesebuah rumah. Ini bermaksud, rumah itu hendaklah lengkap mempunyai kemudahan-kemudahan utama seperti dapur dan perkakasnya, bilik air serta kemudahan-kemudahannya, alat-alat pencuci, peralatan makan minum dan lain-lain, kecuali bagi suami yang tidak mampu mengadakan kemudahan-kemudahan berkenaan.

Hukum Isteri Mengambil Nafkah Di Luar Pengetahuan Suami

Pada kelazimannya, isteri biasanya diberi kepercayaan untuk menjaga dan mengatur harta suami serta mengurus perbelanjaan keluarga. Ini kerana wanita pada kebiasaannya lebih memiliki sifat teliti

dan berhati-hati dalam membuat tindakan dan mengambil keputusan. Dengan sendirinya, dalam keadaan seumpama ini, isteri memiliki akses terhadap harta suami.

Di sini timbul persoalan, sekiranya hak-hak isteri yang disebutkan sebelum ini tidak dipenuhi, sama ada langsung tidak diberikan oleh suami atau nafkah yang diberikan itu tidak mencukupi, adakah boleh seorang isteri mengambil sebahagian daripada harta suaminya di luar pengetahuannya atau adakah perbuatan sebegini dianggap berdosa?

Perkara ini pernah berlaku kepada seorang isteri bernama Hindun binti 'Utbah Radiallahuanha, iaitu isteri kepada Abu Sufyan Radiallahuanhu. Dia mengadukan hal tersebut kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada 'Aisyah Radiallahuanha, beliau berkata :

Maksudnya : "Hindun bin 'Utbah, iaitu isteri kepada Abu Sufyan telah datang menemui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, lalu dia berkata : "Wahai Rasulullah, sesungguhnya Abu Sufyan seorang lelaki yang kedekut dan dia tidak memberikan nafkah yang mencukupi untuk aku dan anakku, kecuali apa yang aku ambil sendiri dari hartanya tanpa pengetahuannya. Adakah perbuatanku itu salah?"

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lalu bersabda : "Ambillah dari hartanya dengan cara yang makruf dalam kadar yang mencukupi keperluanmu dan keperluan anakmu."

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dalam hadis di atas, Hindun Radiallahuanha telah mengadukan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa sikap suaminya yang tidak menunaikan keperluan nafkah mereka dengan sempurna mendorong beliau untuk mengambil sebahagian daripada harta suaminya tanpa pengetahuannya bagi mencukupkan keperluannya serta keperluan anaknya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lalu memperakui perbuatan Hindun Radiallahuanha itu dengan mensyaratkan bahawa hendaklah dia mengambil haknya itu secara makruf.

Berdasarkan hadis di atas, para ulama telah mengistinbatkan bahawa seorang isteri boleh mengambil hak nafkahnya tanpa pengetahuan suaminya sama ada untuk mencukupkan kadar nafkah yang wajib atau mengambilnya apabila langsung tidak diberikan. Ini dihapuskan oleh syarak walaupun tanpa izin daripada hakim berdasarkan hadis di atas.

Maksudnya di sini, isteri hanya boleh berbuat demikian sekiranya suami tidak memberi nafkah atau tidak memberikannya dalam kadar yang sepatutnya. Sekiranya suami sudah menunaikan kewajibannya dengan memberikan nafkah secara yang sepatutnya, maka isteri tidak boleh sama sekali mengambil harta suami tanpa izin daripadanya.

Berkenaan kadar yang dibenarkan pula, menurut salah satu pendapat dalam Mazhab asy-Syafi'i yang dicenderung oleh Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam Syarah Shahih Muslim, ia hendaklah dalam kadar kifayah yakni kadar yang mencukupi atau kadar yang diperlukan. Maksudnya di sini ialah isteri dibolehkan mengambil

haknya bagi mencukupkan keperluan dalam kadar yang dinilai sebagai cukup atau memadai menurut adat. Ini difahami daripada sabda Baginda "Dengan cara yang makruf" yang membawa maksud kadar yang memadai dan mencukupi menurut penilaian adat. Selain itu, kadar tersebut juga hendaklah disesuaikan dengan keadaan dan kemampuan suami.

Jadi dapat difahami di sini bahawa tidak menjadi kesalahan dan dosa ke atas seorang isteri yang tidak diberikan kadar nafkah yang mencukupi mengikut keadaan dan kemampuan suami untuk mengambil sebahagian harta suami mereka tanpa pengetahuan mereka untuk mencukupkan keperluan nafkah mereka sepertimana yang jelas daripada kisah Hindun Radiallahuanha yang disebutkan tadi.

Dapat juga difahami daripada hadis berkenaan bahawa tidak juga menjadi kesalahan dan dosa bagi seorang isteri mengambil sebahagian daripada harta suaminya tanpa pengetahuan mereka bagi memenuhi keperluan anak yang wajib dinafkahi seperti anak kecil atau anak yang fakir atau anak yang tidak dapat mencari rezeki kerana sakit yang berkekalan. Ini kerana seorang isteri juga memiliki peranan dalam mentadbir harta anak dan memberikan nafkah kepada mereka daripada harta bapa mereka. Bagaimanapun, perlu diingat bahawa hendaklah kadar yang diambil itu menurut hajat dan keperluan sahaja.

Apa yang perlu diberi perhatian di sini ialah hak yang diambil itu hendaklah digunakan secara bijaksana untuk keperluan dan hajat penting dan bukannya untuk dibazirkan secara boros dan tidak wajar.

Penutup

Walaupun syarak membenarkan isteri mengambil hak nafkah mereka yang tidak ditunaikan secara sepatutnya tanpa pengetahuan suami, ia bukanlah satu-satunya jalan penyelesaian. Sebagai irsyad, adalah lebih baik mengadakan perbincangan dari hati ke hati terlebih dahulu sesama suami isteri bagi mengetahui punca permasalahan, di samping mencari jalan penyelesaian serta meleraikan kekeliruan. Mungkin sahaja suami terlalai dalam menunaikan tanggungjawabnya atau tersilap melakukan perkiraan atau sedang mengalami masalah kewangan. Sekiranya perundingan gagal dan kata sepakat tidak diperolehi, maka jika tidak dikuatiri menimbulkan sengketa, mudarat dan permasalahan, tidaklah menjadi kesalahan sekiranya seorang isteri melakukan sepertimana yang dilakukan Hindun Radiallahuanha kerana perlakuan ini diizinkan sendiri oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan syarat hendaklah dilakukan secara makruf dan menurut sukat-sukat syarak.

Jika tidak dapat dibuat sedemikian maka bolehlah diadakan perkara tersebut kepada pihak-pihak berkenaan yang mengendalikan perkara yang berkaitan dengan keluarga dan rumah tangga, seperti kes-kes pemberian nafkah dan sebagainya.

RPN Kampung Rataie juara Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik bagi Daerah Temburong



AHLI Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Bokok, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu hadir selaku tetamu kehormat pada Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik di antara Mukim-mukim bagi Program Semarak Pengibaratan Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-35, Tahun 2019 bagi Daerah Temburong (kiri). Sementara gambar kanan, Johan Pertandingan Koir tersebut diraih oleh Kumpulan RPN Kampung Rataie dari Mukim Bokok.

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TEMBURONG, Isnin, 11 Februari. - Bagi mencungkil dan menggilap bakat-bakat baharu dalam nyanyian berkumpulan koir, terutamanya lagu-lagu patriotik dalam kalangan penduduk mukim dan kampung, di samping untuk melatih mereka berani tampil di khalayak ramai, sekali lagi Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) menganjurkan Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik di antara Mukim-mukim bagi Program Semarak Pengibaratan Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-35, Tahun 2019 bagi Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Belalong, Daerah Temburong ialah Ahli Majlis

Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Bokok, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, para pegawai Jabatan Penerangan dan penduduk kampung yang mewakili kampung masing-masing.

Johan Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik di antara Mukim-mukim bagi Daerah Temburong diraih oleh Kumpulan RPN Kampung Rataie dari Mukim Bokok yang membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND1,500 dan sijil penyertaan.

Naib juara disandang oleh Kumpulan Koir Citra Alunan dari

Mukim Bangar dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND1,300 dan sijil penyertaan. Manakala di tempat ketiga dimenangi oleh Kumpulan Koir Mukim Labu dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND1,000 dan sijil penyertaan.

Sementara Kumpulan Koir Harmonika dari Mukim Batu Apoi dan Kumpulan Mukim Amo masing-masing menerima hadiah sagu hati wang tunai berjumlah BND500 berserta sijil penyertaan.

Pertandingan Koir tersebut dibukakan kepada penduduk mukim-mukim di seluruh negara dengan melibatkan institusi mukim dan kampung, jabatan daerah di keempat-empat daerah sebagai rakan strategik bagi mengukainya.

Melalui pertandingan itu juga diharap dapat menyuntik semangat ingin berjaya, menyemai semangat

daya saing dan membina keyakinan diri. Bakat-bakat tersebut nantinya akan mampu diketengahkan dalam pelbagai cabang seni nyanyian, lakonan, tarian dan pengacaraan.

Antara objektif pertandingan dianjurkan ialah bagi meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan penduduk mukim dan kampung, selain menjadi platform bagi penyanyi berkumpulan terus berkarya, di samping dapat mengisi ruang dan peluang dalam program-program seperti Pentarama atau seumpamanya yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, JPM.

Pertandingan ini dapat memupuk semangat berdaya saing dan patriotik melalui lagu-lagu yang dipertandingkan, sekali gus memberikan kesedaran bernegara melalui penghayatan berbentuk hiburan yang terpimpin.

Kumpulan-kumpulan koir juga

boleh digunakan bagi acara-acara kenegaraan yang diungkuhkan oleh mana-mana Majlis Perundingan Mukim (MPM) / Majlis Perundingan Kamupung (MPK) dan jabatan / kementerian kerajaan, manakala pemenang kumpulan koir akan diberikan peluang untuk membuat rakaman di RTB dan diputarkan di corong radio.

Atur cara dimulakan dengan lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara' dan tayangan Video Klip 'Kibarkan Bendera Negara Kita', 'Animasi Tatacara Menaikkan Bendera', sementara ucapan alu-aluan disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Ketua Penerangan Cawangan Temburong yang juga selaku Pengerusi Majlis bagi Daerah Temburong, Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Momin.

Pelbagai acara meriahkan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-35



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Ke-35 (HK35) semasa mengongsikan maklumat mengenai acara-acara utama, sampingan / keraian dan persiapan yang telah dilaksanakan bagi sambutan tersebut pada Sidang Media Sambutan HK35.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan untuk berangkat bercemer duli bersama kerabat-kerabat diraja ke Majlis-majlis Utama Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 (HK35), Tahun 2019, iaitu : Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan

Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran; Upacara Perhimpunan Agung Sambutan HK35, Tahun 2019 dan Acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan.

Bercakap semasa Sidang Media Sambutan HK35, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HK35 telah mengongsikan maklumat-maklumat mengenai acara-acara utama, sampingan / keraian dan persiapan-persiapan yang telah

dilaksanakan bagi sambutan tersebut.

Datin Paduka Dr. Hajah Norlila juga mengumumkan acara kemuncak sambutan, iaitu Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK35 akan diadakan pagi pada hari Sabtu, 23 Februari 2019 bersamaan 18 Jamadilakhir 1440 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bermula jam 7.30 pagi.

Datin Paduka Dr. Hajah Norlila seterusnya menjelaskan, latihan-latihan bagi acara persembahan padang yang melibatkan anggaran lebih kurang 7,500 orang penuntut dan warga

Perkhidmatan Awam telah rancak diadakan di sekolah-sekolah dan kompleks-kompleks sukan termasuk Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Raptai akan diadakan pada Isnin, 18 Februari 2019; Selasa, 19 Februari 2019 dan Khamis, 21 Februari 2019 bermula jam 8.00 pagi di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Untuk sambutan tahun ini, 148 buah pasukan yang melibatkan 24,295 peserta telah mendaftar untuk menyertai acara perbarisan lalu dan yang mana telah dibahagikan kepada

Berita dan Foto: Aimi Sani

kluster-kluster, iaitu : Kluster Pendidikan Pasca Menengah, Kluster Pendidikan Menengah, Kluster Pendidikan Swasta, Kluster Takmir Masjid, Kluster Persatuan Profesional, Kluster Pergerakan Belia, Kluster Pergerakan Wanita, Kluster Persatuan Sukan, Kluster Persatuan Umum, Kluster Masyarakat Umum dan diakhiri oleh Pasukan Generasi Berwawasan.

Bercakap mengenai Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaratan Bendera akan dijalankan secara serentak pada hari Khamis 14 Februari 2019 di empat daerah, yang mana Majlis Utama Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaratan Bendera akan diadakan di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, Daerah Brunei Muara yang mana tetamu kehormatnya nanti ialah Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK35.

Ke muka 23



Apa Pendapat Biskita?

Kebaikan dan keburukan kad kredit

KAD kredit memang sinonim dengan gaya hidup konsumtif, *shopaholic* dan hutang. Namun meski demikian ternyata kad ini mempunyai pelbagai manfaat atau keuntungan jika kita boleh menggunakannya dengan bijak. Kad kredit boleh diiktiraf sebagai sejenis kad yang digunakan sebagai pengganti wang tunai atau dengan nama yang lebih popular pada masa kini, 'wang plastik'. Pada masa kini terdapat berbagai-bagai jenis kad kredit yang dikeluarkan seperti American Express, Visa dan Master Kad dan kini trend menggunakan kad kredit sebagai pengganti wang semakin popular dalam kalangan masyarakat kita, bukan sahaja ahli perniagaan, malahan kakitangan awam apatah lagi prosedur untuk memohon kad kredit tersebut sangat mudah. Malahan kebiasaannya perbankan-perbankan akan membuat promosi kad-kad kredit di pusat-pusat membeli-belah kepada orang awam.

Bagi saya selaku penulis pada ruang ini, berpendapat jika sebelum ini, kad kredit hanya digunakan oleh mereka yang kaya dan berada, tetapi kini sesiapa pun boleh memilikinya sekalipun pekerja kilang. Malahan ada sesetengah orang mempunyai beberapa keping kad kredit pada satu masa dan penggunaan kad kredit merupakan pemangkin masalah inflasi yang sangat ketara, bahkan bilangan pengguna kad kredit di negara kita juga kian bertambah kerana kad kredit mempunyai banyak kebaikannya yang tersendiri jika ia dipergunakan dengan sebijaknya. Antaranya pengguna kad kredit tidak perlu membawa wang yang banyak apabila mereka keluar membeli-belah, baik dalam negara mahupun ketika berada di luar negara. Ini sangat penting sekiranya pengguna tidak mempunyai sebarang wang tunai terutama saat keadaan terdesak. Pengguna kad kredit juga biasanya berasa lebih selamat bila menggunakan kad kredit berbanding dengan penggunaan wang tunai. Ini adalah kerana penggunaan kad kredit dapat disekat sekiranya kad tersebut hilang seperti berlakunya kes kecurian atau hilang apa yang penting pengguna hanya perlu menghubungi pihak bank untuk menyekat sebarang transaksi yang berlaku selepas kehilangan kad kredit tersebut. Namun dalam kehairahan kita menggunakan kad kredit masih terdapat keburukan daripadanya juga, terutama jika ia disalahgunakan. Misalannya perbelanjaan yang berlebihan dan menjangkau had kemampuan menyebabkan pengguna kad kredit gagal membayar hutang tersebut disebabkan keinginan berbelanja yang tinggi sekadar untuk memenuhi trend gaya hidup menggunakan kad kredit.

"Penggunaan kad kredit bagi saya merupakan satu kaedah pembayaran yang mudah dan cekap, di mana kita juga boleh membeli barangan dan mendapatkan perkhidmatan secara dalam talian (*online*) dan menerima penyata bulanan untuk mengesan perbelanjaan yang telah kita gunakan, bahkan ada sesetengah kad kredit yang menyediakan perlindungan insurans kemalangan peribadi dan insurans perjalanan secara percuma, bergantung kepada jenis kad yang ditawarkan dan juga mendapat mata ganjaran untuk menebus barangan dan perkhidmatan yang biasanya tidak boleh diperolehi jika bayaran dibuat secara tunai. Namun masih terdapat kelemahan dan keburukan kad kredit ini, di mana walaupun ia popular dan memudahkan untuk kita berbelanja, tetapi tidak semua para peniaga mahu menerima pembelian secara kredit terutamanya kedai-kedai biasa atau kedai-kedai kecil. Selain pemegang kad kredit dari segi berbelanja juga mungkin berbelanja secara berlebih-lebihan kerana mereka tidak begitu peka atau prihatin dengan nilai wang yang dibelanjakan kerana itu kita sering mendengar rungutan daripada pemilik kad kredit yang menghadapi masalah beban hutang yang banyak selain caj bayaran lewat dan ini dikenakan kerana kita gagal menjelaskan jumlah minimum bulanan sebelum tarikh akhir pembayaran yang ditetapkan." - **Fadzillah, BSB.**

"Dengan adanya kad kredit tidak perlu untuk kita membawa wang tunai yang banyak. Kebanyakan tempat menerima kad kredit, namun masih juga ada sesetengah tempat yang mungkin tidak membenarkan kita membuat pembayaran dengan kad kredit. Namun masih terdapat beberapa kelemahan di mana ia menggalakkan pengguna untuk mudah berbelanja melebihi pendapatan, bahkan pendapatan akan datang terpaksa dikorbankan dan ini akan menjejaskan perancangan untuk perbelanjaan seharian." - **Haji Nursahrim Mohd, Muara.**

"Kad kredit ini ada baik dan buruknya. Kunci penggunaan kredit ialah disiplin, sekiranya tiada disiplin, maka akan timbul masalah keberhutangan, malah boleh menjadi serius. Sebaiknya sebaik sahaja menggunakan kad kredit kita perlulah membayar balik pada waktu yang telah ditetapkan sebelum terlewat dan dikenakan caj *interest*. Sebaiknya gunakanlah kad kredit sewaktu kecemasan kerana ia boleh menjadi penyelamat sekiranya sesuatu kejadian berlaku dan melibatkan penggunaan wang seperti di luar negara kerana ini penting bagi kita mempunyai kad kredit kerana ditakuti *cash money* tidak mencukupi atau terjadi apa-apa masalah yang melibatkan dan memerlukan wang. Selain itu melalui kad kredit juga seseorang itu dapat mengeluarkan duit daripada kad kredit, tetapi ini adalah satu masalah dan antara keburukannya kerana dengan mengeluarkan wang menerusi kad kredit ia sama seperti meminjam wang dan *interestnya* adalah sangat tinggi. Oleh itu, elakkanlah daripada mengeluarkan duit dari kad kredit." - **Alex Ang, Kiulap.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke : pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Mana lebih bahaya 'vape' atau rokok tembakau.
- ii. Kebaikan dan keburukan pengambilan makanan suplemen.



Kenali Bahasa Brunei

ingau bermaksud

1 terganggu perhatian dan sebagainya disebabkan oleh sesuatu perkara.

Contoh pemakaian kata : **ingau**ku mandangar bungi gaplah bisdia, sampai salah kira-kirahanku.

2 bimbang atau risau.

Contoh pemakaian kata : **ingau** atingku, Si Awang alum tia jua mulih lagi antadi.

tatuang udara bermaksud radio.

Contoh pemakaian kata : mun lagi daulu, urang bausin ganya tadapat **tatuang** udara ani.

malabang bermaksud

1 berlubang besar, tentang dinding dan sebagainya.

Contoh pemakaian kata : **malabang** pintu rumahnya ditarajang pancuri.

2 nyaring tentang suara.

Contoh pemakaian kata : sarik talinganku, **malabang** bah suaranya.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG BUKIT



Foto : Azmah Haji Ahad

Umut Luba

BAHAN-BAHANNYA :

- 1/2 kilo umut luba
- Ikan pusu
- 6 biji bawang putih
- 6 biji bawang merah
- Lada hidup

3 sudu minyak masak
Garam dan serbuk perasa

CARA MEMBUATNYA :

Tumiskan bawang merah,

bawang putih dan ikan pusu, kemudian masukkan umut luba yang sudah dihiris dan lada hidup. Didihkan selama 20 minit atau sehingga umut luba tersebut empuk.

Jabatan Penerangan teruskan usaha semai semangat patriotik

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Noraisah Mohammed



KETUA Cawangan Penerangan Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin menyampaikan hadiah Kuiz Kenegaraan kepada seorang penuntut Tahun 7 Sekolah St. Angela, Seria.

SERIA, Isnin, 11 Februari. - mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Perdana Menteri melalui Menghayati Bendera dan Lagu Cawangan Penerangan Belait Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam bertempat di Bilik Perpustakaan St. Angela, di sini.

Taklimat dihadiri oleh Pengetua Menengah St. Angela, Chea Wann Ching, tenaga pengajar serta para penuntut Tahun 7 sekolah berkenaan.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara serta mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui lagu kebangsaan dan bendera negara.

Antara pengisian program ialah Taklimat Kenegaraan yang disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin yang antara lain menyentuh mengenai raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Turut ditayangkan ialah beberapa klip video, iaitu 'Kibarkanlah Dengan Megah

Bendera Negara'; 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang

dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.



ANTARA penuntut Tahun 7 Sekolah St. Angela yang menghadiri Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Nikmati hidangan sambil saksikan keindahan Kampong Ayer

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Februari. - Setelah membuka inap desa (*homestay*) lebih kurang setahun yang lalu, Awang Haji Md. Salani bin Haji Daud terlintas idea baharu dengan menawarkan 'Makan Dalam Perahu' sambil menikmati suasana pemandangan Kampong Ayer.

Awang Haji Md. Salani yang tinggal di Kampung Burong Pingai Ayer itu ketika ditemui menjelaskan, inisiatif berkenaan diusahakan setelah timbulnya idea untuk menghidupkan kembali nostalgia dahulu yang kebanyakannya termasuk mereka yang pernah menikmati hidangan di atas perahu.

Pernah mengalami kehidupan sebagai nelayan, beliau yang berusia 37 tahun itu menceritakan pengalamannya mengenai keenakan menikmati juadah yang menurutnya sangat berbeza daripada di rumah.

Sesuai dengan inap desanya yang tidak jauh dari rumahnya itu, beliau dengan perniagaan 'Makan Dalam Perahu' yang mula dijalankan sejak Disember tahun lalu itu berharap agar pihak tertentu akan dapat membuka mata ke arah bersama-sama mempertingkatkan dan memajukan perniagaan tempatan demi mencapai Wawasan Negara 2035 nanti.

Inisiatif seumpama ini harus disokong selain memperkenalkan masakan tradisi, ia juga membuka ruang kepada pelanggan terutama generasi muda dan juga pelancong asing dalam memperkenalkan khazanah warisan negara, Kampong Ayer yang terkenal dengan gelaran 'Venice of the East'.

Sikap *bakarih* dan *bajarih* itu mendorongnya untuk mengusahakan perniagaan ini bermula dengan kecil-kecilan dan menjadikan sumber rezeki untuk mereka sekeluarga.

Menurutnya, modal untuk membeli perahu dan enjin belum lagi menampung pendapatannya setakat ini namun beliau percaya inisiatif seumpama ini akan dapat menarik pelanggan dalam dan luar negara.

'Makan Dalam Perahu' ini menawarkan set hidangan bagi pilihan pelanggan dan apa yang menarik ialah tawaran harga yang memuaskan jika penumpang dalam kuantiti berombongan.

Setakat ini beliau mempunyai tiga buah perahu dan sebahagian perahu itu dapat menampung sehingga 26 penumpang.

Dari segi aspek keselamatan, jaket keselamatan disediakan bagi setiap penumpang dan disertakan dengan seorang pekerja (pencaruk) di hadapan.

Khidmat perniagaan dibukakan dari jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang.

Tambahnya, beliau mengutamakan anak tempatan yang belum mempunyai sebarang pekerjaan untuk bekerja bersamanya.

Mengenai perancangan akan datang, beliau juga merancang untuk melanjutkan masa perkhidmatan itu ke waktu malam dan semasa waktu terbuka apabila di bulan Ramadan namun tertakluk kepada permintaan atau tempahan pelanggan.

Selain itu, beliau juga merancang untuk menambah perahu yang lebih besar yang dilengkapi dengan jamban bagi kemudahan para penumpang yang menempah.

Dayang Amal Nurnajwa binti Md. Mislini dan keluarga semasa ditemui berkata, amat berpuas hati dengan khidmat 'Makan Dalam Perahu' itu dengan layanan mesra daripada Awang Haji Md. Salani yang juga menjadi pemandu sambil menikmati juadah tradisi Kampong Ayer.

Katanya, selain harganya yang berbaloi, mereka juga memperoleh pengetahuan serba sedikit sejarah Kampong Ayer seperti Jong Batu serta suatu pengalaman buat mereka sekeluarga.

Mereka yang berasal dari Kuala



AWANG Haji Md. Salani bin Haji Daud terlintas idea baharu dengan menawarkan 'Makan Dalam Perahu' sambil menikmati suasana pemandangan Kampong Ayer.

Belait mengetahui mengenai 'Makan Dalam Perahu' menerusi jirannya dan justeru itu ingin merasa sendiri seperti yang ditularkan melalui sosial media.



MENIKMATI hidangan atau 'Makan Dalam Perahu' sambil menyaksikan keindahan alam semula jadi atau perkampungan nelayan dan Kampong Ayer adalah inisiatif untuk menghidupkan kembali nostalgia dahulu yang kebanyakannya termasuk mereka yang pernah menikmati hidangan di atas perahu.

Pekerja asing lari daripada majikan

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

KUALA BELAIT, Isnin, 11 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja asing warganegara Indonesia, Ana Sulastri, perempuan, berusia 30 tahun, pemegang pasport AU156271 yang lari daripada majikan.

Jika sesiapa terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Kuala Belait, melalui talian telefon +673 3334325 atau Hotline 993 atau mana-mana Balai Polis berdekatan.



PEKERJA asing warganegara Indonesia, Ana Sulastri, perempuan, berusia 30 tahun lari daripada majikan.

BIBD terima Pensijilan ISO 9001 : 2015



PENGARAH Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Mubashar Khokhar (dua, kanan) semasa menyaksikan penyerahan sijil, Pensijilan ISO Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) daripada Pengarah Urusan, British Standards Institution (BSI), Poon Cheong Yuen (kanan) di Ibu Pejabat BIBD.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Februari. - Sejar dengan wawasannya untuk menjadi sebuah institusi yang bertanda aras, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menerima pensijilan ISO 9001 : 2015 bagi penyertaan pelanggan-pelanggan runcit dan perkhidmatan pembiayaan peribadi, menjadikannya satu-satunya bank di Negara Brunei Darussalam untuk dianugerahkan pensijilan tersebut secara konsisten, di semua cawangan bank berkenaan.

Sehubungan itu, Majlis Pengumuman dan Penyampaian Sijil tersebut berlangsung di Ibu

Pejabat BIBD, di sini, dihadiri oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Mubashar Khokhar dan Pengarah Urusan, British Standards Institution (BSI), Poon Cheong Yuen.

Terdahulu itu, Timbalan Ketua Pegawai Operasi, BIBD, Awang Haji Minorhadi bin Haji Mirhassan dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, pensijilan tersebut memastikan bahawa ia dapat mengurangkan sebarang risiko yang mungkin berlaku semasa membina dan menyelenggara penyampaian perkhidmatan tanpa mengurangkan kualiti,

kepelbagaian dalam komunikasi, pematuhan kepada peraturan dan penyesuaian, di samping menyediakan pengalaman pelanggan yang tiada tandingan.

Pensijilan ISO tersebut juga jelasnya, merupakan satu lagi pencapaian yang mencerminkan cita-cita bank tersebut, sambil mengulangi strategi negara untuk menanamkan tadbir urus yang baik, berkualiti tinggi, dengan prosedur-prosedur yang pragmatik dan cekap juga moden, yang mentakrifkan etika 'Bruneian at Heart' untuk memberikan yang terbaik, bukan hanya kepada para pelanggan BIBD, tetapi juga pihak berkepentingan dan para pekerja BIBD.

Pada majlis berkenaan, Pengarah Urusan BSI menyerahkan pensijilan itu kepada Timbalan Ketua Pegawai Operasi, BIBD, yang disaksikan oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD.

Pemaiwaaian ISO 9001 : 2015 BIBD adalah antara pencapaian dan akreditasi antarabangsa termasuk penarafan global A (Stable) S & P tertinggi bagi sebuah bank Brunei, di samping beberapa anugerah lain, termasuk enam tahun berturut-turut sebagai bank runcit terbaik, bank terbaik, bank terkukuh dan bank paling selamat.

Pensijilan ISO 9001 : 2015 adalah piawaian antarabangsa yang menentukan keperluan untuk sistem pengurusan kualiti. Organisasi i-organisasi menggunakan standard untuk menunjukkan keupayaan secara konsisten dengan menyediakan produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelanggan dan peraturan.

Khidmat Queen's Counsel, Simon Henry Farrell dilulus

Siaran Akhbar : Jabatan Kehakiman Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Februari. - Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam pada 11 Februari 2019 telah mendengarkan permohonan bagi Queen's Counsel, Simon Henry Farrell untuk diperakui sebagai Peguambela di dalam Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam menurut Akta Profesi Guaman, Bab 132, untuk tujuan mewakili kedua-dua Defendan dalam kes HCCT No.11 Tahun 2018 dan untuk tujuan berkenaan dan kesemua perkara yang berhubung dengan percabaran oleh Pendakwaraya terhadap bekas Pegawai Kehakiman, Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol (B) Haji Abdul Rahman dan Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Badaruddin.

Permohonan tersebut dikemukakan oleh Sheikh Noordin dari Peguambela Sheikh Noordin and Associates untuk Pemohon Pengiran Izad Ryan bin PLKDR Pengiran Haji Bahrin untuk Persatuan Undang-Undang di hadapan Ketua Hakim, Yang Amat Arif Dato Paduka Steven Chong.

Sheikh Noordin menghadapkan sokongan permohonan berkenaan kepada Ketua Hakim atas arahan kedua-dua defendan untuk mendapatkan khidmat seorang QC yang memiliki kepakaran, kelayakan dan pengalaman dalam menangani jenayah kolar-putih, termasuk kes-kes yang melibatkan pengubahan wang haram dan perampasan aset harta tanah. Kedua-dua Pejabat Peguam Negara dan Persatuan Undang-Undang tidak ada bantahan untuk perakuan QC, Simon Henry Farrell. Yang Amat Arif Ketua Hakim membuat keputusan bahawa beliau telah berpuas hati bahawa QC, Simon Henry Farrell, mempunyai kepakaran dan kelayakan khusus untuk mewakili kedua-dua defendan dalam kes HCCT No. 11 Tahun 2018 dan dalam kesemua percabaran berhubungnya dan diberikan perintah berkenaan dengan permohonan perakuannya sebagai Peguambela di dalam Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam.

Sebutan lanjut berhubung kes HCCT No. 11 Tahun 2018 akan didengar pada 14 Februari 2019 jam 2.00 petang di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman Yang Arif Gareth Lugar-Mawson. Orang awam dimaklumkan bahawa walaupun percabaran berlangsung di mahkamah terbuka, ruang dalam galeri awam adalah terhad dan rakaman gambar serta video adalah tidak dibenarkan di dalam bilik mahkamah. Orang awam juga diingatkan untuk mematuhi etika mahkamah apabila menghadiri percabaran.

Belia Brunei disenarai finalis Anugerah Belia Komanwel

Siaran Akhbar : Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Februari. - Jawatankuasa Eksekutif Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam (BDAIDS Council), Setiausaha Pentadbiran, Dayang Siti Najihah Kamillah binti Latif telah disenarai sebagai salah seorang daripada lima peserta finalis di rantau Asia untuk menerima Anugerah Belia Komanwel 2019 yang akan menerima trofi, sijil dan peruntukan sebanyak £1,000 bagi meneruskan kerja-kerja pembangunan mereka.

Najihah terpilih untuk menerima anugerah tersebut dalam bidang pekerjaan beliau yang memfokuskan Pembangunan Mapan 3 : Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik (Sustainable Development Goal 3 : Good Health and Well-being). Sebagai peneraju aktivis bagi kesihatan seksual di Brunei, beliau membantu dalam meningkatkan kesedaran dan meningkatkan pengetahuan tentang jangkitan seksual dan kehamilan remaja menerusi program yang dipimpin oleh beliau (HIV & AIDS for Peer and Youth Program - HAPPY). Beliau menyumbang dalam menyebarkan kesedaran mengenai HIV / AIDS melalui ceramah awam di sekolah, menjalankan beberapa kempen meluas dan advokasi peringkat tinggi dengan kerajaan dan telah berjaya mendekati hampir 10,000 golongan muda di Negara Brunei Darussalam.

Anugerah ini akan diberikan kepada golongan belia cemerlang yang berusia 15 - 20 tahun di mana projek dan program inovatif mereka mampu memberi kesan yang besar terhadap komuniti mereka. Tahun ini merupakan ulang tahun ke-70 Komanwel moden, dengan tema 'A Connected Commonwealth' yang memberi peluang kepada orang lain untuk berganding bahu dan bekerjasama dalam persahabatan dan muhibah menerusi nilai praktikal dan penglibatan global.

Dengan lima ratus pencalonan dari 45 buah negara, hanya 16 pencabar yang mendapat pencapaian tinggi telah disenarai pendek. 16 finalis ini datang dari negara-negara yang merangkumi setiap wilayah Komanwel, termasuk Afrika, Asia, Caribbean dan Amerika, Eropah dan Pasifik.

Para finalis masing-masing akan menerima anugerah trofi, sijil dan menerima sejumlah £1,000 untuk meneruskan kerja pembangunan mereka. Sebaliknya, pemenang 'Regional Young Person' pada tahun ini akan menerima £3,000 manakala 'Commonwealth Young Person' tahun ini akan diberi £5,000.

Negara Brunei Darussalam diberi penghormatan untuk dianugerahkan sebagai salah satu daripada lima finalis terbaik bagi Commonwealth Youth Awards selama dua tahun berturut-turut.

Penerima Commonwealth Youth Award tahun lalu ialah Awang Mohd. Khairul Azmi bin Haji Mohd. Salleh dari Society of Community Outreach and Training (SCOT).



Tajuk-tajuk yang akan datang ialah:

- 1) 'Bendera atau Anak Merdeka' - Tarikh Tutup : 23 Februari 2019
- 2) 'Suasana Sambutan Hari Kebangsaan' - Tarikh Tutup : 9 Mac 2019
- 3) 'Aktiviti Cuti Persekolahan' - Tarikh Tutup : 23 Mac 2019

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG, high resolution dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 50 perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui e-mel

pelita.brunei@information.gov.bn

4. Jabatan Penerangan berhak untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.

Majukan negara melalui industri teknologi maklumat



Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Hernie Suliana Othman
Infografik : Bahagian Pelita Brunei



Lebih 200 tempahan setiap hari oleh pelanggan. Aplikasi QueUP dicipta oleh DotRoot Technologies Sdn. Bhd. dengan kolaborasi bersama Rhymin & Partner Company selaku rakan kongsi pemasaran.

Pencapaian

Meskipun belum lama ditubuhkan, DotRoot Technologies Sdn. Bhd. berjaya mendapatkan kejayaan dalam beberapa pertandingan, iaitu tempat ketiga bagi Brunei ICT Award 2013 & 2015 serta memenangi (pemenang utama) Brunei Ignite Business Competition Award pada tahun 2013.

Perancangan Dan Harapan

Bagi mengembangmajukan lagi syarikat anak tempatan itu, Awang Haji Muhammad Saufi berserta rakan-rakannya merancang untuk mengeluarkan lebih banyak produk IP (Intellectual Property) dan mendedahkan syarikat itu dan produk-produknya ke luar negara. Beliau juga berharap agar lebih banyak perkembangan IT di negara ini pada masa akan datang dan juga sokongan daripada orang ramai dan kerajaan untuk menerima

DOTROOT Technologies Sdn. Bhd. berjaya mendapatkan kejayaan dalam beberapa pertandingan, iaitu tempat ketiga bagi Brunei ICT Award 2013 & 2015 serta memenangi (pemenang utama) Brunei Ignite Business Competition Award pada tahun 2013.

PERKEMBANGAN arus teknologi moden terutama dalam bidang teknologi maklumat (IT) pada zaman ini memberikan pelbagai kemudahan kepada semua pihak dan golongan. Dengan kemahiran dalam bidang tersebut akan dapat memberikan perkhidmatan yang diperlukan oleh pihak-pihak yang memerlukan.

Oleh itu, kemahiran dalam bidang IT yang diperoleh sepanjang pengajian di Universiti Teknologi Brunei (UTB) telah membuatkan sekumpulan bekas graduan dari UTB untuk menubuhkan sebuah syarikat yang menawarkan perkhidmatan dalam bidang yang dipelajari.

Dengan diketuai oleh Awang Haji Muhammad Saufi bin Haji Jamahat bersama lima lagi rakannya, mereka menubuhkan Syarikat DotRoot Technologies Sdn. Bhd.

Menurut Awang Haji Muhammad Saufi, 27 tahun, syarikat mereka ditubuhkan pada bulan Februari 2013 setelah menamatkan pembelajaran di UTB pada tahun 2012. Melihat akan kurangnya golongan anak-anak tempatan menjadi *software developer* yang mahir dan berkualiti menyebabkan anak-anak muda berwawasan itu untuk menjadikan IT sebagai platform bagi menjana pendapatan mereka, di samping memberikan perkhidmatan yang diperlukan oleh pihak-pihak tertentu.

Keistimewaan Perkhidmatan Dan Kaedah Promosi

Katanya lagi, perkhidmatan yang mereka berikan mempunyai keistimewaan tersendiri di mana perisian-perisian adalah dicipta oleh anak-anak tempatan yang mahir dalam iOS, Android dan Website Development dan direka bentuk bagi memenuhi permintaan pelanggan.

Syarikat itu juga menggunakan

media sosial, seperti Instagram dan juga laman *web* untuk mempromosikan perkhidmatan mereka selain sokongan daripada klien-klien.

Cabaran

Sepertimana perusahaan-perusahaan lain yang baru tumbuh, cabaran dari segi kewangan menjadi salah satu cabaran yang perlu dihadapi pada awal penubuhan DotRoot Technologies Sdn. Bhd. Namun, dengan adanya bantuan kewangan dari Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) sedikit sebanyak dapat meringankan masalah mereka itu.


Selain itu, kemenangan yang dicapai melalui Anugerah Brunei ICT Award dan Brunei Ignite Business Competition menjadi pembakar semangat untuk anak-anak muda ini untuk terus menjayakan syarikat yang mereka kendalikan. Alhamdulillah, ketika ini kewangan tidak lagi menjadi satu masalah buat syarikat tersebut dengan kepercayaan yang diberikan oleh klien-klien mereka yang terdiri dari sektor kerajaan mahupun swasta termasuklah orang awam untuk melaksanakan projek-projek yang diamanahkan kepada mereka.

Perkhidmatan Dan Produk

Beberapa perkhidmatan telah disediakan oleh DotRoot Technologies Sdn. Bhd. (Lihat infografik).

Multimedia

Sementara itu, lebih 20 projek telah dilaksanakan oleh syarikat ini sejak ia ditubuhkan. Salah satu daripadanya ialah QueUP (Queing System & Application) yang dilancarkan pada 2017 di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang juga kini disertai oleh Pejabat Pos, Jabatan Perkhidmatan Pos, Lapangan Terbang Lama, Berakas dan Pusat Vaksinasi, Kementerian Kesihatan. Sehingga kini, QueUP mencapai lebih 35 ribu pengguna dan



177 pelajar MSPSBS terima sijil tamat pengajian



KETUA Bahagian Aset Alternatif yang juga merangkap Ketua Bahagian Sumber Tenaga Manusia di Agensi Pelaburan Brunei (BIA), Dayang Hajah Ros Ramona binti POKPS DP semasa menyampaikan sijil kepada para penerima pada Majlis Tamat Pengajian Pra-Universiti 2 Kali Ke-17 bagi Sesi 2013 - 2018 (kiri dan kanan).

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi dan Ihsan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 Februari. - Usaha, masa, kerja keras, keazaman, kegagalan, kesedihan, kegembiraan, ketakutan serta masyarakat yang kita temui termasuk kawan-kawan, pengajar dan juga kenalan, semuanya membentuk kepada diri awda

masing-masing. Tidak kira dari mana awda bermula namun yang penting adalah di mana awda berada sekarang ini dan yang paling penting ialah perjalanan yang diambil dalam menempuhi sehingga keberadaan diri masing-masing.

Ketua Bahagian Aset Alternatif yang juga merangkap Ketua Bahagian Sumber Tenaga Manusia di Agensi Pelaburan Brunei (BIA), Dayang Hajah Ros Ramona binti POKPS DP berucap demikian pada Majlis Tamat Pengajian Pra-Universiti 2 Kali Ke-17 bagi Sesi 2013-2018.

Pada majlis berlangsung di Dewan Auditorium, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS), Dayang Hajah Ros

Ramona seterusnya berkongsi tiga prinsip panduan utama dalam menempuhi kehidupan di masa akan datang iaitu jangan biarkan kegagalan menghentikan diri malah kuatkan semangat untuk menanganinya.

Selain itu, tambahnya, sentiasa mengambil setiap peluang yang membantu memajukan ke hadapan yang cemerlang dan jangan pernah takut untuk mendapatkan pertolongan dalam

landasan yang tepat demi mencapai suatu matlamat.

Pada majlis tersebut, seramai 177 pelajar yang telah menamatkan pengajian menerima sijil masing-masing.

Acara seumpama adalah bagi meraikan para pelajar berkenaan dan menghargai sumbangan dan penglibatan mereka dalam bidang kurikulum dan ko-kurikulum sepanjang pembelajaran mereka di maktab berkenaan.

Dari muka 18

Acara yang ditumpukan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah dan agama termasuk institusi pengajian swasta ini adalah bertujuan untuk memupuk dan memperkasa semangat patriotisme dan kemegahan menjunjung Bendera Negara dari peringkat akar umbi.

Datin Paduka Dr. Hajah Norlila seterusnya menambah, Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam yang menandakan bermulanya pengibaran Bendera Negara akan diadakan pada Sabtu, 16 Februari 2019 bertempat di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkuah, Bandar Seri Begawan bermula jam 8.00 pagi. Tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Jelas Datin Paduka Dr. Hajah Norlila lagi, sebagai sebuah negara yang senantiasa mengharap taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala serta keberkatan dalam membangun dan memajukan negara ini, beberapa acara keagamaan akan diadakan sempena sambutan tahun ini. Majlis Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran akan diadakan pada Jumaat, 22 Februari 2019 bermula jam 5.45 petang bertempat di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali

Saifuddin, Bandar Seri Begawan. Walau bagaimanapun, Majlis Kesyukuran ini juga diadakan secara serentak di semua masjid, surau-surau dan balai ibadat di seluruh negara di mana di Daerah Tutong tumpuan utama ialah di Masjid Hassanah Bolkuah, Pekan Tutong, di Daerah Belait tumpuan utama di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, dan di Daerah Temburong tumpuan utama ialah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Bagi memeriahkan lagi Sambutan HK35, Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan akan diadakan pada Ahad, 24 Februari 2019 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin yang mana akan bermula pada jam 7.00 pagi.

Majlis Penurunan Bendera Besar Negara akan diadakan pada Isnin, 25 Februari 2019, jam 2.15 petang bertempat di Kawasan Lapang Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkuah di mana tetamu kehormat di majlis itu nanti ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Di samping itu, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila juga menyentuh bahawa beberapa aktiviti acara-acara keraian / sampingan akan diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun HK35. Di antaranya termasuklah Program Belia Cinta Tanah Air (16-24 Februari 2019), Larian Hari Kebangsaan (17 Mac 2019), Pesta Buku (27 Februari - 5 Mac 2019), Brunei Amazing Race (10 Mac 2019), Pertandingan Koir Lagu Kanak-Kanak Bagi Sekolah Rendah Senegara dan Pertandingan Akapela Lagu

Patriotik Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara (1 Mei 2019) dan Festival Kikik (layang-layang) Antarabangsa Brunei Darussalam (14-19 Mac 2019).

Menyentuh mengenai tema pada tahun ini, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila memaklumkan bahawa tema Sambutan Ulang Tahun HK35 ini adalah 'Menjayakan Wawasan Negara', iaitu mengekalkan tema sambutan tahun lepas yang memfokuskan kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035 dengan menekankan pentingnya setiap rakyat dan penduduk serta segenap sektor dalam pembangunan negara memainkan peranan masing-masing dengan melengkapkan diri mereka dengan ilmu dan kemahiran, bersedia berperanan dalam pembangunan negara termasuk meningkatkan daya saing, inovatif dan kreatif dalam segenap aspek pembangunan ekonomi, politik, sosiobudaya, keselamatan dan lain-lain.

Menurutnya, kesurvivalan bangsa dan negara bergantung kepada rakyat dan penduduk yang beridentiti berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja. InsyaaAllah, dengan adanya pengemblemn usaha-usaha daripada pelbagai sektor yang berkepentingan dalam pembangunan negara ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) akan dapat mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035; akan tetap kekal menjadi sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat; menjadi sebuah Negara Zikir dan Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur.

Manakala mengenai dengan Logo Sambutan Ulang Tahun HK35 yang menerapkan empat

elemen utama iaitu tujuh bintang berwarna kuning, tangan yang menadah, angka 35 dalam bentuk peta NBD dan lingkaran anak panah yang menuju ke panji-panji negara. Logo ini adalah hasil karya Pelukis Tingkat Khas, Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abidin bin Haji Rashid yang telah memenangi Pertandingan Mencipta Logo Pertandingan yang telah dibukakan kepada orang ramai bermula 22 Oktober 2018 hingga 22 November 2018 yang lalu.

Penyerahan hadiah juga diselenggarakan pada Sidang Media tersebut dan telah disempurnakan oleh Datin Paduka Dr. Hajah Norlila dengan menyerahkan hadiah wang tunai berjumlah BND1000 dan sijil penghargaan kepada pemenang.

Di akhir sidang media berkenaan Datin Paduka Dr. Hajah Norlila mengingatkan agar kita sebagai rakyat dan penduduk NBD yang kita cintai ini bertanggungjawab memberikan komitmen yang tinggi dan saling bantu-membantu untuk mendukung aspirasi negara agar matlamat negara untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 terlaksana dengan jayanya. Datin Paduka Dr. Hajah Norlila juga menyeru agar kita semua menggalas tanggungjawab itu dengan sama-sama mengibarkan bendera negara di rumah-rumah, bangunan-bangunan kerajaan dan swasta, firma-firma dan sebagainya dan seterusnya untuk sama-sama menghadirkan diri ke masjid-masjid tumpuan, masjid-masjid dan surau-surau di seluruh negara, terutama sekali di Masjid Omar 'Ali Saifuddin bagi sama-sama bersolat Maghrib dan Isyak

berjemaah dan memohon doa agar negara kita NBD yang tercinta ini akan sentiasa dilimpahi keberkatan, keredaan, keselamatan serta kesejahteraan dan terpelihara dari sebarang keburukan.

Sidang media turut dihadiri oleh beberapa ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Sambutan Ulang Tahun HK35 dan seterusnya juga memberikan penerangan, iaitu Penolong Kanan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Jemputan dan Protokol, Awang Razali bin Haji Badar; Setiausaha Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor selaku wakil Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Pengangkutan, Awang Mohammad Syafien bin Yandol; Pegawai Turus Pentadbiran, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei selaku wakil Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Perbarisan, Komander Sarifpudin bin Matserudin; Pemerintah Polis Daerah Brunei dan Muara selaku wakil Pengerusi Bersama Jawatankuasa Keselamatan (Sekuriti) dan Lalu Lintas, Supt. Pengiran Haji Abdul Salam bin Pengiran Haji Abdul Ghani; Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan, selaku wakil Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Media dan Publisiti, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramli / Haji Ramli; Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Zafri bin Haji Mohammad serta Setiausaha Agung Persekutuan Lumba Basikal Brunei Darussalam selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan, Awang Omar Ali bin Haji Ibrahim dan Urus Setia Sambutan Ulang Tahun HK35.

Sukan

INFO SUKAN

AKADEMI Projek Ikan Pusu (PIP) telah menerima 20 biji bola daripada Asian Football Confederation (AFC). Bola-bola berkenaan merupakan Anugerah AFC kepada Pengurus PIP, Cheah Swee Ming yang memenangi Anugerah 'AFC Best Grassroots Leader', mengalahkan 46 peserta lain dalam kalangan 47 ahli negara AFC pada bulan November 2018 lalu di Kuala Lumpur, Malaysia. Penganugerahan tersebut diberikan atas kerja gigih beliau dalam menjalankan PIP dan sumbangan beliau terhadap bola sepak tanah air sejak tahun 2001.



ePaper Pelita Brunei

Brunei DPMM FC meterai perjanjian bersama pemain, penaja



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyaksikan Majlis Penandatanganan Kontrak Kelab Bola Sepak Brunei DPMM (Brunei DPMM FC) dengan pemain-pemain dan penaja-penaja bagi Kejohanan Bola Sepak Liga Singapura 2019 (kiri dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Februari. - Majlis Penandatanganan Kontrak Kelab Bola Sepak Brunei DPMM (Brunei DPMM FC) dengan pemain-pemain dan penaja-penaja bagi Kejohanan Bola Sepak Liga Singapura 2019 diadakan di Hotel Centrepoint, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan majlis penandatanganan tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Majlis penandatanganan

dimulakan dengan Penandatanganan Kontrak Pemain di antara Brunei DPMM FC dengan 25 pemain kelab bola sepak tersebut diikuti dengan Penandatanganan Kontrak di antara Brunei DPMM FC dengan penaja-penaja kejohanan. Menandatangani bagi pihak Brunei DPMM FC ialah Pengurus kelab berkenaan Pengiran Haji Muhd. Waslimin bin Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin dan Pengurus Pasukan, Awang Ali bin Haji

Momin. Sementara pihak penaja yang terdiri dari DST; Mitsubishi Corporation; Brunei Shell Marketing Co. Sdn. Bhd.; Royal Brunei Airlines Sendirian Berhad; Baiduri Bank Berhad; Hertz; Hui Huang Enterprise (Brunei); Nazmi Textile Mall; A.K.K Design; Lotto; ST Balm dan Golden Tree Sendirian Berhad diwakili oleh pengurus-pengurus atau pegawai-pegawai tinggi syarikat masing-masing. Majlis diteruskan dengan

Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Brunei DPMM FC dengan AKK Design, Penerbit Rasmi Brunei DPMM FC Match Day Magazine 2019. Pada majlis tersebut, tetamu kehormat seterusnya menyampaikan pemberian cenderamata daripada Brunei DPMM FC kepada para penaja. Majlis juga diselenggarakan dengan Pelancaran Jersi Brunei DPMM FC Musim 2019, iaitu 'Home and Away jersey'.

Setia Perdana tundukkan Najip FC, 3 - 1

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Februari. - Pasukan Setia Perdana meraih tiga mata penuh sekali gus naik satu anak tangga dalam carta Liga Super Brunei DST 2018 / 2019 setelah menewaskan pasukan Najip FC, 3 - 1 pada perlawanan yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah pada petang kelmarin. Pasukan Setia Perdana yang memakai jersi kuning membuka jaringan seawal minit ke-7 melalui sepakan Md. Khairul bin Abdul Halim. Selang lapan minit kemudian, pasukan Najip FC berjaya menyamakan kedudukan apabila pemainnya, Syazwan bin

Haji Hassan berjaya membolosi gawang pasukan Setia Perdana pada minit ke-15. Pasukan Setia Perdana menambah gol keduanya pada minit ke-41 sebelum berakhir separuh masa pertama menerusi Faisal bin Ali. Beraksi semula pada separuh masa kedua, kedua-dua pasukan mengatur rentak permainan dan melakukan percubaan untuk membolosi gawang pihak lawan masing-masing namun strategi permainan yang baik sering menggagalkan percubaan tersebut. Gol ketiga pasukan Setia Perdana dijaringkan pada minit ke-73 melalui Aziz Hanafi Haji Bakri, sekali gus memberikan

tekanan kepada pasukan Najip FC yang harus mencari ruang untuk menambah jaringan. Kedua-dua pasukan cuba untuk menambah jaringan masing-masing pada masa tambahan tiga minit yang diberikan oleh pengadil, tetapi tiada sebarang gol berhasil dijaringkan sehingga wisel tamat perlawanan ditiupkan. Sementara itu dalam perlawanan lain, pasukan Lun Bawang terikat 2 - 2 bersama pasukan Indera FC pada perlawanan yang berlangsung di Kompleks Sukan Batu Apoi Temburong. ANTARA aksi Perlawanan Liga Super Brunei DST 2018 / 2019 di antara pasukan Setia Perdana dan pasukan Najip FC.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'AL-QURAN PETUNJUK, RAHMAT KEPADA UMAT MANUSIA'

دتر بیتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam